

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 10

Hari Rabu

9 April 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(Ruangan)**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997
(Ruangan)**

USUL:

**Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1996
(Ruangan)**

PARLIMEN KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Ketiga

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,
P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

“ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)

Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)

- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 9hb. April, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini kita akan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 67(5) selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi membahaskan Dasar dan Peraturan Mesyuarat 67(7) diuntukkan dua hari untuk perbahasan dalam Jawatankuasa. Oleh yang demikian, saya meminta ahli-ahli berucap tidak lebih dari 15 minit seorang di dalam Dasar dan 10 minit dalam Jawatankuasa. Cara ini akan membolehkan lebih ramai ahli mengambil bahagian.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

[Soalan No. 1 Y.B - Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh] tidak hadir]

RUMAH KOS RENDAH - KATEGORI HARGA

2. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) kategori pelbagai rumah kos rendah dan harga-harga mereka di Semenanjung, Sarawak dan Sibü; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin

Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rumah kos rendah di Semenanjung Malaysia sama ada oleh kerajaan atau swasta adalah dihadkan kepada harga tidak lebih dari RM25,000. Di Sarawak termasuk Sibü, harga rumah kos rendah ialah RM32,000.

Selain dari kategori ini terdapat rumah iaitu di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas. Had harganya adalah RM10,000 di Semenanjung dan RM13,000 di Sarawak.

Di bawah program pemuliharaan rumah usang bagi pengumpulan semula tradisional, kerajaan memberi bantuan percuma kepada mereka yang memerlukannya. Kerajaan juga memberi pinjaman tidak melebihi RM7,500 kepada penduduk luar bandar di Semenanjung untuk membina rumah di tapak sendiri, tetapi kos rumahnya tidak boleh melebihi RM20,000.

- (b) Bagi mengawal kenaikan harga rumah kos rendah, kerajaan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- (i) menyediakan Garis Panduan Penjualan dan Penyewaan Rumah Kos Rendah, di mana menjadi tanggungjawab pihak kerajaan negeri untuk memastikan rumah kos rendah dijual dengan harga yang ditetapkan oleh kerajaan;
 - (ii) mewujudkan standard reka bentuk yang memberi penekanan kepada piawaian-piawaian yang perlu dipatuhi bagi memastikan kualiti rumah kos rendah yang dibina. Dengan adanya standard ataupun Garis Panduan ini dapat membantu pemaju membina rumah kos rendah dalam lingkungan harga yang tidak merugikan;
 - (iii) kerajaan juga menggalakkan subsidi silang bagi mengelakkan pemaju menaikkan harga rumah kos rendah; dan
 - (iv) di kawasan yang tanahnya adalah tidak ekonomik untuk membina rumah kos rendah, kerajaan membenarkan pembinaan 'high rise' untuk mengelakkan pihak pemaju menaikkan harga rumah kos rendah dengan alasan kos tapak yang tinggi.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar kos rumah murah di Sibu harganya telah naik lebih iaitu RM50,000? Jadi, apakah langkah-langkah yang diberikan oleh kerajaan untuk memberi bantuan kewangan kepada

rakyat yang tinggal di luar bandar seperti di rumah-rumah panjang untuk membina rumah mereka?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini, memang harga rumah kos rendah di Sibü adalah sama seperti yang saya sebutkan tadi iaitu tidak boleh melebihi RM32,000. Jika ada rumah yang dijual di bandar Sibü dengan kosnya lebih daripada itu, iaitu RM32,000 seunit, saya rasa itu bukan disebut rumah kos rendah seperti yang telah kita tetapkan dalam garis panduan yang sudah diturunkan kepada kerajaan negeri. Di dalam bandar Sibü terdapat satu syarikat yang besar, di mana ketika ini sedang membina rumah-rumah pelbagai jenis, saya yakin syarikat itu akan membina rumah kos rendah dengan harga RM32,000 di masa akan datang.

Soalan berkaitan dengan 'subsidi' kepada rumah panjang untuk membina rumah di kawasan luar bandar itu, saya rasa pihak kerajaan negeri telah setuju untuk mengadakan sekim pinjaman kepada rumah panjang atau bilik-bilik rumah panjang, di mana sekim pinjaman itu akan dihadkan kepada RM5,000 seunit. Jikalau ada rumah panjang di kawasan Yang Berhormat yang ingin hendak menikmati kemudahan ini mereka boleh meminta kemudahan ini daripada Suruhanjaya Perumahan Negeri Sarawak.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin bertanya, adakah tawaran rumah kos rendah atau rumah pangsa dikawal oleh pihak-pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri? Jika ya, adakah pihak kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan membenarkan pemaju-pemaju supaya memerlukan atau kadangkala memaksa pembeli-pembeli rumah kos rendah menandatangani satu perjanjian supplementary atau renovation agreement. Saya pernah menimbulkan satu masalah di sini dengan satu misalan iaitu Taman Gema Cahaya, di Batu 10, Jalan Langat, pembeli-pembeli rumah kos rendah yang bernilai RM25,000 seunit dipaksa menandatangani satu perjanjian supplementary dan harga perjanjian itu ialah RM50,000 - dua kali ganda lebih banyak daripada harga rumah. Jadi, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah, sedang atau akan.....

Seorang Ahli: Soalan!

Tuan Tan Kok Wai: Apakah tindakan yang akan diambil bagi memastikan penyelewengan oleh pemaju yang tamak ini tidak akan berlaku lagi bagi melindungi pembeli-pembeli rumah kos rendah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti sama ada kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan perumahan itu sudah

membuat aduan kepada pegawai di kementerian tentang keadaan perjanjian supplementary yang disebutkan tadi, kerana ini adalah satu kesalahan yang dilakukan oleh pihak pemaju. Kita akan mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap pihak pemaju yang melakukan perjanjian supplementary yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kerana seperti yang saya jawab tadi, setiap rumah yang disebutkan sebagai rumah kos rendah, harganya tidak boleh melebihi RM25,000 di Semenanjung Malaysia. Saya harap kes ini boleh dirujuk kepada pegawai di kementerian dan kalau ada bukti-bukti berkenaan, serahkan bukti tersebut kepada pegawai untuk disiasat.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan awal saya, kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan adakah rumah kos rendah dikawalkan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Setiap tawaran yang dilakukan oleh pihak pembeli memang namanya sudah diberikan oleh pihak kerajaan negeri berkenaan. Jikalau di Wilayah Persekutuan, pihak Bandaraya yang melakukan senarai nama (list) pembeli kepada pihak pemaju untuk pemaju memberi tawaran kepada mereka.

KEKOSONGAN JAWATAN DI SEKTOR AWAM - JUMLAH PENGISIAN

3. **Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)** minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) jumlah pengisian dan kekosongan jawatan mengikut kategori kumpulan di sektor awam hingga 31.12.96 dan apakah langkah diambil agar kekosongan dapat diisi dan penjawat yang ada tidak meninggalkan perkhidmatan sebelum usia bersara; dan
 - (b) apakah benar semenjak SSB dilaksanakan urusan kenaikan pangkat kakitangan diabaikan dan menyatakan jumlah kewangan yang terlibat untuk pembayaran bonus dan hadiah bagi kategori melintang (2%) dan menegak (3%) serta jumlah kakitangan yang terlibat hingga 31.12.96.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengisian dan kekosongan jawatan mengikut kumpulan di sektor awam hingga 31.12.1996, tidak termasuk pasukan polis dan angkatan tentera, adalah seperti berikut:-

| Kumpulan | Bilangan Jawatan | Pengisian | Kekosongan | Peratus |
|----------------------------|-------------------------|------------------|-------------------|----------------|
| JUSA | 784 | 476 | 308 | |
| Pengurusan dan Profesional | 110,393 | 80,836 | 29,557 | 26.7% |
| Kumpulan Sokongan I | 252,116 | 191,149 | 60,967 | 24.4% |
| Kumpulan Sokongan II | 467,929 | 397,075 | 70,854 | 15% |
| Jumlah | 831,222 | 669,536 | 161,686 | 19.4% |

Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mempercepatkan urusan pengisian, iaitu antaranya seperti berikut:-

- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan urusan pengambilan secara berterusan dan menurunkan kuasa urusan perlantikan anggota perkhidmatan awam bagi kategori kumpulan Sokongan kepada kementerian-kementerian.

Antara langkah-langkah untuk mengekalkan penjawatan awam sehingga bersara wajib ialah:-

- (i) memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kemajuan kerjaya dan saraan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam;
- (ii) memperbaiki suasana kerja di jabatan dengan membekalkan peralatan-peralatan yang moden agar suasana kerja lebih selesa; dan
- (iii) meningkatkan kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam seperti menggalakkan pengwujudan taska-taska untuk menjaga anak-anak anggota dan menambah peruntukan untuk badan-badan kebajikan.

Adalah tidak benar urusan kenaikan pangkat kakitangan awam diabaikan sejak pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB), malah ianya telah diberi perhatian dan diperbaiki dari masa ke semasa. Sebagai contoh, dalam tahun 1995 sejumlah 1,131 jawatan kenaikan pangkat yang baru diwujudkan bagi pegawai-pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Tertinggi.

Sukacita dijelaskan bahawa sejak SSB dilaksanakan dalam tahun 1993, seramai kira-kira 170,548 orang anggota telah diberi pergerakan gaji melintang dan menegak. Ini melibatkan pembayaran bonus sebulan gaji dan separuh gaji kira-kira RM54.3 juta dan hadiah cenderahati yang bernilai dalam lingkungan RM19.8 juta.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen mengenai adakah cadangan kerajaan untuk meminda format ataupun kaedah yang dibuat bagi skim Sistem Saraan Baru ini kerana kita melihat kepada dengan terlaksananya format ini kita nampak ramai di antara kakitangan yang berkemampuan dan berkebolehan terbiar dan terabai oleh kerana terikat dengan percentage 2% dan 3% bagi kategori melintang dan menegak.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apakah yang menjadi kayu pengukur kepada kenaikan pangkat seseorang pegawai ataupun kakitangan? Adakah kelayakan, kemampuan, merit ataupun bilangan kekosongan jawatan yang sedia ada untuk mereka dinaikkan pangkat? Kalau berdasarkan kepada kekosongan, kita lihat lebih kurang 19.4% kekosongan jawatan tetapi masih belum diisi, sama ada secara fresh intake ataupun kenaikan pangkat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mengenai SSB. Saya ingat banyak yang salah menganggap, mereka menganggapkan yang tidak dapat menegak dan melintang itu sebagai telah didenda oleh kerajaan. Sebenarnya sistem SSB ialah

mencungkil yang cemerlang daripada yang cemerlang, the best among equal. Jadi, kalau semua dalam satu jabatan itu cemerlang, kita mengambil yang cemerlang dari cemerlang untuk memberi hadiah dan habuan sebagai mengiktiraf khidmat yang diberi. Maka, dengan ini diharapkan kecemerlangan keseluruhannya dalam jabatan kerajaan akan meningkat.

Dari segi tidak dapat mengosongkan jawatan-jawatan yang ada, saya ingat ini sudah umum, iaitu antara lain, persaingan dengan sektor swasta pada hari ini cukup hebat terutama dalam jurusan profesional.

Dari segi kriteria untuk naik pangkat, saya rasa semua bidang kerja, baik di bidang swasta atau kerajaan, ada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Jadi, tidak payahlah saya huraikan apakah yang membolehkan seseorang itu naik pangkat atau tidak. Cuma ada juga saranan supaya sektor perkhidmatan perguruan dikaji semula oleh kerana sistem dan cara penilaian di sektor ini masih perlu dipertingkatkan oleh kerana bidang perguruan ini adalah berlainan daripada bidang pentadbiran. Saya harap dapat menjawab soalan itu.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan lanjut tentang begitu banyaknya kekosongan jawatan utama sektor awam ataupun JUSA tadi, saya rasa lebih 300 kekosongan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Saya ingin tahu apakah yang menyebabkan kekosongan ini, sama ada ia disebabkan oleh proses pengisian itu mengambil masa ataupun memang dasar tidak mahu mengisinya.

Sekiranya kekosongan ini diakibatkan oleh proses pengisian yang begitu panjang, saya ingin tahu sama ada kerajaan bersedia, sebab sepertimana yang saya dimaklumkan jawatan utama ini pengisiannya dikendalikan oleh satu jawatankuasa tertinggi yang

diketuai oleh KSN sendiri. Jadi, sama ada kerajaan bersedia untuk menurunkan kuasa pengisian jawatan utama ini atau JUSA ini supaya ia lebih cepat diisi?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan ialah mengenai kenaikan pangkat di dalam kumpulan JUSA. Sebenarnya dalam bidang pengurusan tidak ada kelewatan oleh kerana kakitangan yang ada, yang boleh dan mampu dari segi kelulusan dan pengalaman boleh dinaikkan pangkat. Tetapi dalam bidang profesional, kedoktoran, kepakaran-kepakaran tertentu, apabila seseorang pakar itu keluar daripada jabatan-jabatan kerajaan, hendak dicarikan orang yang berkelulusan yang sama adalah susah. Umpamanya bidang ortopedik, bidang neuro surgeri kalau hendak dicari dalam pasaran amat susah, walaupun jawatan ada tetapi sukar hendak mencari orangnya.

TOKOH KORPORAT MENANDATANGANI MOU DI LUAR NEGARA - KESAN HARGA SAHAM

4 **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa terdapat ramai tokoh-tokoh korprat Malaysia yang pergi ke luar negara dan menandatangani MOU bagi projek-projek tertentu tanpa melaksanakannya dan adakah tindakan ini mempengaruhi kedudukan harga saham di kaunter-kaunter yang dimiliki oleh penguasaha-pengusaha terbabit dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini bagi menjaga kepentingan pelabur-pelabur kecil di BSKL.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, Memorandum Persefahaman (MoU) biasanya ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada peringkat awal sesuatu perniagaan di mana faktor-faktor perlu dalam urusan perniagaan masih memerlukan pertimbangan lanjut.

Secara amnya, MoU dirangka supaya ianya tidak menjadi sebagai ikatan yang muktamad di antara pihak yang terlibat. Perjanjian pelaksanaan projek hanya termeterai setelah fesibiliti cadangan pelaburan dan projek-projek diketahui secara jelas. Ini bermakna bukan semua MoU akan disusuli dengan perjanjian pelaksanaan projek dan ia tidak seharusnya mempengaruhi harga saham di kaunter-kaunter yang dimiliki oleh

pengusaha-pengusaha terbabit. Kerajaan hanya boleh menasihatkan para pelabur supaya lebih berwaspada dan berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengannya serta memahami segala implikasi di sebalik MoU tersebut.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa tidak semua MoU yang ditandatangani harus dilaksanakan. Saya ingin mendapat penjelasan, daripada 363 MoU yang telah ditandatangani di luar negara, hanya 186 dilaksanakan dan 174 tidak dilaksanakan langsung; sementara 103 di Negeri China, 41 tidak dilaksanakan dan 11 di Kemboja ditandatangani, 3 tidak dilaksanakan; sementara di Vietnam sebanyak 41 MoU telah ditandatangani dan satu pun tidak dilaksanakan. Apakah garis panduan yang jelas telah dibuat oleh kementerian supaya persoalan pelaburan timbal balik dapat dikawal dan rasa bimbang negara-negara luar terhadap pelaburan timbal balik ini dapat kita atasi?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang berkenaan kerana dapat mengemukakan angka-angka yang begitu terperinci. Ini juga menimbulkan satu kekhuatiran di pihak yang berkenaan. Kalau perkara seperti ini berlaku, memanglah kesan-kesan yang buruk mungkin akan berlaku. Tetapi setakat ini, pihak-pihak yang tertentu seperti Suruhanjaya Sekuriti ataupun ROS, Bank Negara Malaysia ataupun agensi-agensi, kementerian-kementerian kerajaan tidak mempunyai jurisdiction yang tertentu atas pelaksanaan ataupun kegiatan seperti ini yang dijalankan oleh satu-satu syarikat.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah mengambil maklum tentang perkara ini dan telah membuat keputusan iaitu semua pelabur Malaysia yang hendak menandatangani MoU dengan rakan-rakan luar negara perlu berdaftar dengan kedutaan Malaysia di negara berkenaan. Ini akan membolehkan rakan usaha sama di negara tersebut mendapat pengesahan daripada pihak kedutaan Malaysia mengenai latar belakang pelabur-pelabur Malaysia yang berkenaan. Kita harap dengan garis panduan seperti ini dapatlah dipatuhi

oleh syarikat-syarikat yang berkenaan dan dapatlah kita kurangkan kesan yang buruk daripada berlaku pada masa akan datang.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Besar kemungkinan MoU-MoU yang ditandatangani oleh usahawan-usahawan kita semasa mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita melawat ke luar negara. Jadi, adakah cadangan pihak kerajaan untuk menyenaraihitamkan usahawan Malaysia ini yang mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri supaya mereka yang tidak mengambil tindakan lantaran daripada menandatangani MoU ini daripada mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada masa yang akan datang.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semasa satu-satu MoU itu ditandatangani, ada faktor-faktor tertentu yang belum dapat dikenal pasti dan mungkin ada faktor-faktor yang menggalakkan untuk diwujudkan supaya perjanjian yang tepat itu dapat dilaksanakan. Mungkin ada juga faktor-faktor yang tidak begitu mengizinkan untuk perjanjian yang lebih konkrit itu dapat dilaksanakan.

Jadi, kalau diadakan denda ataupun tindakan terhadap satu-satu syarikat itu mungkin tidak begitu munasabah. Walau bagaimanapun, seperti yang saya telah katakan, pelabur-pelabur adalah dinasihatkan supaya meneliti dengan lebih tepat tentang faktor-faktor fundamental saham-saham yang berkaitan itu sebelum mereka membuat sesuatu keputusan sama ada untuk membelinya ataupun untuk menjualnya.

**LEBUHRAYA SERDANG-SALAK SELATAN-KUALA LUMPUR -
RUNGUTAN PENDUDUK**

5. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada sedar rungutan penduduk-penduduk di Kampung Baru Salak Selatan di mana lebih 100 keluarga menanggung kerugian harta benda, kebimbangan masa depan keluarga dan kehilangan hak menuntut keadilan dalam projek pembinaan lebuhraya enam lorong sepanjang 16 kilometer menghubungkan Serdang-Salak Selatan-Kuala Lumpur. Sila nyatakan sama ada kerajaan telah menerima memorandum penduduk bertarikh 15hb. November, 1996 dan apakah langkah-langkah positif telah dibuat terhadap memorandum itu.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan berkenaan dengan pelaksanaan Projek Penswastan Jalan Sungai Besi.

Kerajaan amat peka di atas masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan berkenaan, oleh itu kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan beban penduduk di kawasan berkenaan.

Dalam hubungan ini lebih dari 100 buah rumah terlibat di kawasan berkenaan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menyusun sempadan jalan untuk menyelamatkan beberapa banyak rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja Kementerian Kerja Raya menerima memorandum daripada penduduk-penduduk tempatan, kementerian telah mengadakan pertemuan dengan wakil-wakil penduduk tempatan yang termasuk juga dua rombongan iaitu, yang pertama, daripada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab dan satu lagi daripada Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh sendiri.

Hasil daripada perjumpaan itu, kementerian melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia telah bersetuju untuk menimbang semula rekabentuk iaitu rekabentuk untuk mengurangkan skop plaza tol di Salak Selatan dengan membina plaza tol dua tingkat bagi tujuan mengurangkan keperluan mengambil tanah penduduk tempatan. Syarikat konsesi

telah juga bermurah hati untuk membiayai kos tambahan berikutan dari perubahan skop bangunan tol.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah bersetuju untuk menyediakan jalan alternatif di kawasan berkenaan untuk manfaat penduduk-penduduk berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut membabitkan laluan di kawasan-kawasan yang sudah dimajukan. Kerajaan amat menyedari masalah rakyat berikutan dari pembinaan projek ini. Namun demikian, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan rangkaian jalan yang berkesan untuk faedah dan kepentingan rakyat juga.

Dalam hubungan ini kerajaan yakin pembinaan Projek Lebuhraya Sungai Besi ini memberikan faedah dan keselesaan yang lebih kepada rakyat untuk jangka panjang, walaupun pada permulaannya ia mengakibatkan sedikit kesusahan khususnya kepada kepada penduduk tempatan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasihlah atas usaha yang telah pun diambil supaya bebanan rakyat yang berkenaan dapat dikurangkan setakat ini dan juga saya merasa dukacita sedikitlah, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri telah pun berjanji dengan saya selepas 15hb. November tahun lalu, ketika saya mengemukakan satu memorandum kepada Yang Berhormat Menteri, selepas itu Yang Berhormat Menteri ada berjanji hendak jumpa saya sekali lagi, selepas pelan induk jalan yang tersebut di 'finalised'kan tetapi malangnya sehingga hari ini janji itu tidak ditunaikan.

Adakah takut jumpa Wakil Rakyat sekali lagi ataupun ada alasan-alasan yang lain?

Beberapa Ahli: Soalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Ada tekanan, ‘tikam dari belakang’ oleh ahli-ahli politik atau pihak yang tertentu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sabar, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Yang Berhormat Menteri, dia berani kerana dia lain, ha! The whole country knows ‘singa’. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada soalan, Yang Berhormat ?

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah soalan yang penting ini. *[Ketawa]* Dalam memorandum bertarikh 15hb. November tahun lalu, salah satu permintaan iaitu penduduk-penduduk ataupun wakil rakyat, termasuk saya meminta kementerian yang berkenaan supaya memansuhkan tol yang akan dikenakan di Salak Selatan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina][Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Loli manyakkah?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalan, soalan!

Seorang Ahli: Apa soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, janganlah menggunakan pembesar suara.

Tuan Liew Ah Kim: ...memandangkan tiga alasan, yang pertama 'density' penduduk adalah sangat tinggi di Salak Selatan.

Yang kedua, tol hingga ke tol, dari tol 'A' to tol 'B' adalah 1.2 kilometer sahaja, kawasan Salak Selatan itu.

Alasan yang ketiga, alasannya yang saya hendak berikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Liew Ah Kim: Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain itu tidak tahu, jangan campur. Dan ketiga, ialah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup Yang Berhormat, dua sahaja cukuplah.

Tuan Liew Ah Kim: Yang ketiga, ialah pada masa sekarang dalam empat lorong, tetapi Yang Berhormat Menteri itu hendak menambahkan dua lorong lagi dan empat lorong kepada enam lorong *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Apek mengongkah?

Beberapa Ahli: Hei, apek, luluklah!

Tuan Liew Ah Kim:supaya tol itu dapat dibina di sana dan mengutip wang itulah. Cuma hendak mengutip wang sahaja! Ini adalah satu bebanan yang berat kepada rakyat jelata di kawasan Salak Selatan. Adakah bersetuju dengan saya?

Selain daripada semua bebanan itu ataupun permintaan tidak dilayani oleh Kementerian Kerja Raya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, cukuplah Yang Berhormat. Very unusual!

Seorang Ahli: Tatak faham Melayukah? *[Ketawa]* Nanti loli langgau oh!

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat yang lain, janganlah buat begitu!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh minta mengadakan pertemuan dengan saya dan juga beliau juga telah membawa satu rombongan yang terbesar! Rombongan itu pun saya terima, pada permulaannya saya dapat tahu cuma Ahli Yang Berhormat sahaja yang ingin berjumpa dengan saya, tetapi apabila saya nampak Ahli Yang Berhormat bawa satu rombongan bersama, saya telah memberi hormat kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana saya tidak mahu jumpa Yang Berhormat seorang sahaja. Saya jumpa dengan semua dan memberi mereka minuman teh, bagi mereka senang hati. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ayuh! Satu loli oh!

Seorang Ahli: Tatak terima kasihkah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya ada juga mereka menimbulkan beberapa perkara berkenaan dengan meminta menyelamatkan enam belas buah rumah dan selepas itu saya telah bersama-sama dengan Lembaga Lebuhraya, bersama kontraktor, konsesi dengan satu bilik, kita duduk lebih enam jam untuk mengadakan rekabentuk baru. Jadi, selepas itu sahaja, saya telah menyelamatkan enam belas buah rumah.

Ahli Yang Berhormat telah meminta untuk membuat pertemuan yang kedua, saya kata, masalah itu sudah selesai. Jikalau saya ada masa, saya boleh berjumpa, saya minta kepada Ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat kali yang kedua, oleh kerana masalah itu sudah selesai. Oleh kerana setiap hari kita dapat

masalah daripada pihak-pihak yang lain. Kalau saya hanya berjumpa dengan Ahli Yang Berhormat sahaja, saya percaya masalah kerajaan tidak boleh dapat diselesaikan.

Yang kedua, ada juga permintaan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu untuk memansuhkan tol. Itu tidak boleh dan bukan kuasa saya iaitu merancang untuk mengadakan jalan penswastan iaitu sedang dijalankan di Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Kerja Raya selepas Unit Perancang Ekonomi (EPU) menetapkan mana-mana jalan untuk penswastan, saya cuma menyelesaikan penswastan sahaja, tetapi keputusan itu telah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana pemansuhan tol itu tidak boleh jadinya, bayar - bayar jugalah! *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, ada juga satu permintaan daripada Ahli Yang Berhormat, minta mengurangkan lorong. Ada orang yang meminta lebih lorong, tetapi Ahli Yang Berhormat meminta kurangkan lorong. Ah! Mana boleh? *[Ketawa]*

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat!

Tuan Liew Ah Kim: Kutipan wanglah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*
[Ketawa]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dia minta daripada enam lorong kepada empat lorong, saya kata, itu susahlah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan ini pun ada juga kawasan dengan 'density' penduduk yang banyak. Oleh kerana itu, di setiap rumah bukan hanya sebuah kereta sekarang, setiap rumah, bapa ada kereta, emak pun ada kereta, anak pun ada kereta, isteri dia pun ada kereta. Sebuah rumah ada empat kereta atau lima kereta, tetapi

jalan yang besar sama juga. Kita mesti besarkan jalan untuk memberi faedah kepada rakyat jelata atau pengguna jalan raya. *[Tepuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah lebuhraya Serdang-Salak Selatan-Kuala Lumpur ini dihubungkan dengan jalan lingkar tengah yang sedang giat berjalan pembinaannya dan jika ya, apabila jalan lingkar tengah ini siap dibina dan diguna oleh pengguna jalan raya, adakah jalan lingkar tengah ini dikecualikan dari tol?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang saya jelaskan tadi, ada juga hubungan dengan jalan lingkar tengah iaitu mereka ada satu sambungan di persimpangan bertingkat dekat Siberjaya. Selain daripada itu, tidak ada apa-apa hubungan tetapi jalan lingkar tengah pun kita akan mengenakan bayaran tol sahaja oleh kerana ini tidak boleh dikecualikan daripada bayaran tol.

REMISIER BUMIPUTERA - BILANGAN YANG MENDAFTAR DENGAN BSKL

6. **Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Kewangan menjelaskan:

- (a) bilangan wakil niaga dan remisier bumiputera yang berdaftar dengan BSKL dan adakah bilangan tersebut telah mencukupi kuota yang ditetapkan dan adakah kerajaan telah berpuas hati dengan pencapaian tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi menambah bilangan bumiputera dalam bidang ini yang mana pasaran BSKL telah berkembang pesat kebelakangan ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 7hb. April, 1997 terdapat seramai 1,949 wakil peniaga dan 620 remisier bumiputera yang berdaftar dengan BSKL iaitu 33.74% daripada jumlah keseluruhan wakil peniaga dan remisier yang

dilesenkan. Walaupun penyertaan bumiputera dalam industri sekuriti memenuhi kuota yang ditetapkan tetapi masih terdapat syarikat-syarikat broker saham yang gagal memenuhi kuota itu.

- (b) Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan bagi menambahkan bilangan bumiputera dalam sektor berkenaan, antaranya ialah penguatkuasaan dalam proses permohonan lesen wakil peniaga di mana permohonan tersebut akan ditangguhkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti sekiranya syarikat broker saham didapati tidak memenuhi kuota yang ditetapkan. Langkah berikutnya ialah mengadakan dana latihan bumiputera yang akan dikelolakan oleh Pusat Perkembangan Industri Sekuriti khususnya untuk pekerja-pekerja bumiputera dalam syarikat-syarikat broker saham dan amnya untuk bumiputera lain yang berminat, dengan tujuan utamanya adalah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja-pekerja bumiputera di pelbagai peringkat dalam industri sekuriti.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sehingga kini adakah terdapat lesen remisier dan juga lesen wakil niaga ini digantung dan ditarik balik. Dan juga saya ingin tahu apakah punca-punca yang berlakunya penyelewengan berhubung dengan yang memaksa lesen-lesen remisier ini terpaksa digantung, dan apakah salah-laku yang berlaku? Hasil daripada salah-laku itu, pihak manakah yang banyak menanggung kerugian ataupun akibat daripada penyelewengan yang berlaku? Jadi, saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan yang terperinci.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, secara amnya kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh wakil peniaga adalah tentang dengan fraud, tentang cara untuk berniaga, dan kebanyakannya adalah dari segi teknikal. Ini adalah sentiasa di dalam kawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti. Tentang angka-angka yang terlibat itu, saya perlukan notis.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa satu daripada masalah perkembangan pesat BSKL ialah kekurangan remisier, khususnya di kawasan luar bandar. Mengapakah sekarang ini pihak kerajaan masih belum meluluskan permohonan bahawa cawangan-cawangan syarikat broker saham dibenarkan didirikan di kawasan luar bandar. Macam bank, di mana mereka boleh mendirikan cawangan mereka di kawasan luar bandar supaya mereka tidak payah pergi jauh, ke ibu negeri sahaja untuk membeli atau menjual saham. Adakah permohonan BSN untuk mendapat lesen broker saham telah diluluskan oleh pihak kementerian?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini syarikat sekuriti memang sentiasa mengkaji tentang keperluan cawangan-cawangan broker saham diperlukan di seluruh Malaysia. Kajian itu adalah berdasarkan kepada sama ada satu-satu syarikat itu adalah mampu dan juga sama ada jumlah perniagaan di tempat-tempat tertentu itu mengizinkan ditubuhkan satu borker saham di tempat itu. Setakat ini difikirkan adalah tidak perlu untuk mewujudkan broker saham di luar bandar.

Tuan Lim Guan Eng: Tentang BSN?

Dato' Wong See Wah: Apa BSN?

Tuan Lim Guan Eng: Permohonan BSN untuk mendapat lesen broker saham, apakah kedudukan, diluluskan atau tidak?

Dato' Wong See Wah: Tunggulah untuk pengumuman Menteri Kewangan. *[Ketawa]*

SISTEM OTC - MANFAAT KEPADA PELABUR

7. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) baik buruknya memperkenalkan sistem OTC (over the counter) setakat ini dan dalam negara manakah sistem yang sama telah diadakan ; dan
- (b) bagaimanakah ianya dapat memanfaatkan para pelabur.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, tertarik dengan bunyian itu. *[Ketawa]* Memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan yang dijadualkan dijawab pada 23hb. April, 1997 dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas yang dijadual dijawab pada 29hb. April, 1997 saya mohon menjawab pertanyaan-pertanyaan ini serentak sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bursa MESDAQ ialah sebuah pasaran OTC yang teratur dan dikawal selia yang difikirkan perlu buat masa ini untuk mewujudkan satu lagi cara mendapat pembiayaan bagi syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan perusahaan-perusahaan kecil atau sederhana tetapi berpotensi tinggi. Di Malaysia lebih kurang 300,000 syarikat-syarikat tersebut menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan baik melalui penyenaraian di bursa saham kerana tidak memenuhi kriteria-kriteria minimum yang ditetapkan oleh

BSKL, mahupun melalui pinjaman bank kerana pihak bank kurang berminat memberikan pinjaman kepada syarikat-syarikat kecil dan baru. Dengan itu, penubuhan MESDAQ bertujuan menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk mendapatkan pembiayaan bagi memperkembangkan perusahaan mereka. Ini merupakan satu cara pembiayaan melalui bursa yang diiktiraf oleh kerajaan selain daripada penyenaian di BSKL.

Sistem penyenaian bursa MESDAQ agak fleksibel berbanding dengan sistem penyenaian BSKL, tetapi menyediakan perlindungan yang secukupnya untuk mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan daripada kemudahan-kemudahan yang diberikan. Walau bagaimanapun, ia merupakan pasaran yang berisiko tinggi, dan dengan demikian pasaran ini tertakluk kepada peraturan 'kenali klien dan produk anda', dengan izin, 'know your client and product' rule, di mana setiap broker dikehendaki mengesyorkan hanya saham-saham yang sesuai kepada setiap pelanggan berdasarkan kemampuan kewangan serta objektif dan keperluan pelaburan pelanggan tersebut .

Negara yang telah mengamalkan sistem ini ialah Amerika Syarikat dengan bursa MESDAQ, di mana ia telah dikenali untuk pelabur di sektor teknologi maklumat. Pasaran lain yang mempunyai ciri-ciri seperti MESDAQ ialah Alternative Investment Market di United Kingdom yang ditubuhkan oleh Bursa Saham London, Perancis, iaitu Le Nouveau Marche, Jepun pasaran OTC yang kedua diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa Jepun, manakala Thailand, iaitu Bangkok Stock Dealing Centre.

Bagi pelabur, pasaran ini membuka kelas pelaburan yang baru untuk mereka yang lebih cenderung kepada risiko tinggi, tetapi memberi pulangan yang tinggi dengan ciri-ciri baru yang diperkenalkan untuk pasaran MESDAQ seperti adanya pembuat pasaran ataupun pembuat pasaran (market maker) serta persekitaran perdagangan berasaskan penzahiran sepenuhnya. Ia boleh meningkatkan kecekapan pasaran sekunder dalam menyediakan kecairan dan mendapatkan harta yang tepat untuk syarikat-syarikat berkualiti.

Buat masa ini, sebuah jawatankuasa iaitu Industry Action Committee (IAC) telah ditubuhkan bagi mengendalikan hal ehwal OTC di mana ia mempunyai dua jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Penasihat. Jawatankuasa kecil berperanan merancang pengurusan dan operasi pasaran baru, manakala Jawatankuasa Penasihat akan bertanggungjawab dalam membuat kajian terhadap semua permohonan bagi memastikan kesemua kriteria dipenuhi. Keahlian IAC adalah terdiri daripada 9 buah syarikat sekuriti tempatan dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, OTC memerlukan perkhidmatan pembuat pasaran, dengan izin, market maker. Jadi, apakah perbezaan di antara OTC dengan BSKL yang ada pada hari ini, iaitu papan satu dan dua. Adakah ini juga akan seimbang ataupun ada perbezaan yang begitu jauh?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, BSKL adalah berasaskan kepada 'demand driven' ataupun harga yang siapa hendak tawar akan disenaraikan, dan sesiapa yang hendak terima akan ditetapkan. Begitu juga

dengan harga yang tertinggi disenaraikan dan harga yang terendah sekali dalam satu jangka masa itu disenaraikan. Maka dengan itu harga adalah berdasarkan kepada permintaan dan juga penawaran.

Bagi MESDAQ ataupun OTC, ini adalah berlainan sedikit oleh kerana ia mempunyai risiko yang tinggi dan juga latar belakang satu-satu syarikat itu adalah tidak dikemukakan untuk syarikat yang diiktirafkan sebagai 'massive' ataupun unsur syarikat sederhana yang wujud hanya diperlukan untuk mengemukakan latar belakangnya bagi tempoh satu tahun sahaja. Jadi, dengan itu adviser ataupun broker adviser ataupun underwriter syarikat-syarikat itu perlu bertanggungjawab. Yang pertama, untuk memastikan ketelusan syarikat itu. Maklumat asas syarikat itu perlu diberikan dan diberitahu kepada pasaran dan juga yang kedua, inilah menjadi tanggungjawab dealer supaya memberi tawaran ataupun satu-satu pelabur itu bolehlah berhubung dengan seorang dealer untuk menentukan satu harga bagi satu syarikat, satu saham, dan pelabur itu juga berpeluang untuk secara sulit berhubung dengan dealer yang berlainan untuk mendapatkan harga tentang satu-satu saham.

Jadi, dengan itu pelabur mempunyai pilihan secara sulit untuk menentukan dan mendapatkan harga yang paling baik sekali bagi pelabur itu. Ini adalah berbeza daripada sistem BSKL. Manakala juga untuk OTC ataupun MESDAQ ini juga menjadi kewajipan dealer itu untuk menentukan pelabur itu yang pertama, dia berkemampuan dari segi kewangan dan yang kedua, sama ada pengetahuan pelabur itu adalah mencukupi dari segi keuntungan pulangnya, juga dari segi risiko yang akan terbabit itu. Jadi, dengan itu kita nampak ini adalah satu pasaran yang terbuka, tetapi adalah juga satu pasaran yang ketat dan juga dikenakan garis panduan-garis panduan tertentu untuk menjaga kepentingan pelabur dan juga untuk memastikan syarikat-syarikat yang mengeluarkan itu, yang telah disenaraikan itu menjalankan perniagaannya dengan kemas dan baik.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana bursa MESDAQ sebuah pasaran OTC adalah perkara baru dan berisiko tinggi. Peraturan 'kenali klien dan produk anda amat ditekankan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara ini dengan lebih lanjut.

Dato' Wong See Wah: Sebenarnya soalan ini saya sudah jawab. Tetapi walau bagaimanapun, peraturan dan garis panduan masih dalam peringkat perangkaan. Inilah yang menyebabkan mengapa MESDAQ ini hanya dapat dilaksanakan pada musim keempat, iaitu pada penghujung tahun ini baru sahaja dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pada prinsipnya ialah supaya kepentingan pelabur itu dijaga dengan betul-betul dan juga syarikat-syarikat yang telah tersenarai itu juga dipastikan dapat menjalankan perniagaannya dengan baik.

TEKONG DARAT YANG MEMBAWA MASUK PENDATANG HARAM - JUMLAH

8. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah tekong darat yang bertanggungjawab membawa masuk pendatang haram ke negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenar tekong darat yang bertanggungjawab membawa masuk pendatang tanpa izin ke negara ini tidak diketahui. Walau bagaimanapun, jumlah tekong dan pelindung-pelindung yang ada kaitan dengan pendatang tanpa izin yang telah ditangkap dalam tempoh dua bulan yang pertama, iaitu 1hb. Januari tahun ini hingga 28hb. Februari ialah seramai 553 orang.

Tuan Haji Buniyamin bin Yacob: Adakah benar terdapat sebahagian kecil daripadanya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab menjadi tekong membawa masuk pendatang haram ke negara kita ini, dan bolehkah kerajaan menyebut pegawai-pegawai itu daripada jabatan mana dan sekarang katanya telah ditahan, apakah hukuman telah dikenakan kepada mereka?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau kata tekong bawa pendatang tanpa izin yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan dalam rekod kementerian ialah tidak ada.

BUAH KOKO - NILAI EKSPORT

9. **Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram)** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapakah nilai eksport buah koko ke luar negeri tiap-tiap tahun dari 1991 hingga 1996. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membaikpulih industri koko di Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, nilai eksport biji koko ke luar negara dari tahun 1991 hingga 1996 adalah seperti berikut:

| <u>Tahun</u> | <u>Kuantiti</u> <u>(tan Metrik)</u> | <u>Jumlah.harga</u> | <u>Harga</u> <u>setan metrik</u> |
|--------------|--|---------------------|-------------------------------------|
| 1991 | 148,115 | RM406.48 juta | RM2,744 |
| 1992 | 125,440 | RM314.54 juta | RM2,507 |
| 1993 | 123,147 | RM303.95 juta | RM2,468 |
| 1994 | 83,028 | RM262.93 juta | RM3,167 |
| 1995 | 52,523 | RM131.98 juta | RM3,274 |
| 1996 | 40,512 | RM130.92 juta | RM3,232 |

Tindakan yang diambil untuk membaikpulih industri koko Malaysia meliputi langkah-langkah berikut:

- (a) mengadakan dan menggalakkan program pemulihan kawasan tanaman koko bagi meningkatkan produktiviti dan hasil sehektar;
- (b) meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan koko dengan tumpuan kepada aspek-aspek peningkatan produktiviti, pengurangan kos pengeluaran, pengawalan kerosakan dan kerugian akibat serangan penyakit dan makhluk perosak dan pelbagaian produk-produk koko;
- (c) membangunkan industri hiliran koko;
- (d) menghapuskan duti import biji koko berkuatkuasa mulai 28hb. Oktober, 1994;
- (e) mempromosikan produk-produk koko keluaran Malaysia di dalam dan luar negara;
- (f) menjamin mutu produk koko yang dieksport menerusi sistem penggeredan koko secara mandatori;
- (g) mendirikan kemudahan-kemudahan seperti makmal dan peralatan, mengembangkan kepakaran dan memindah teknologi untuk faedah pengusaha-pengusaha;
- (h) meningkatkan penyertaan Malaysia dalam kerjasama ASEAN dan antarabangsa dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa berkaitan seperti Pertubuhan Koko Antarabangsa (ICCO) dan Perikatan Negara-negara Pengeluar Koko (CPA) untuk memupuk persefahaman dan kerjasama dalam mewujudkan keseimbangan di antara penawaran dan permintaan koko bagi menghasilkan harga yang remanaratif dan mantap.

**AHLI EXCO NEGERI -SIASATAN OLEH POLIS DAN
BADAN PENCEGAH RASUAH**

10. **Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah Ahli exco Negeri telah disiasat oleh polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan nyatakan pecahan dari segi negeri. Mengapakah dakwaan masih belum diambil ke atas seorang ahli exco Negeri Melaka yang dikaitkan dengan skandal kelulusan tanah dan pemilikan wang tunai yang luarbiasa melebihi RM3 juta. Berapa banyakkah Ahli exco Negeri Melaka telah disiasat atau disoal untuk memberikan keterangan oleh polis atau BPR.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri oleh kerana soalan mengenai rasuah adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Semua repot polis terhadap ahli Exco Negeri yang terlibat di dalam rasuah dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah untuk disiasat. Pada masa ini BPR sedang menjalankan siasatan ke atas 4 orang ahli Exco kerajaan negeri di seluruh negara kerana dikatakan terlibat dengan perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Pecahan mengikut negeri ialah seorang di Johor, seorang di Selangor, seorang di Melaka dan seorang di Pahang.

Siasatan terhadap ahli Exco Melaka itu baru siap dan sedang dikemaskini sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk keputusan. Kes di Johor telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara juga untuk kajian dan diputuskan. Dua lagi kes masih dalam siasatan.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab sudah cukup. *[Ketawa]*

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 11 hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM15,740,668,192 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1996 adalah berjumlah RM15,519,995,892. Daripada jumlah ini, sebanyak RM15,377,923,192 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala bakinya sebanyak RM142,072,700.00 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM13.944 bilion di bawah Maksud B.30 - Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun untuk memenuhi keperluan berikut:

- (i) sebanyak RM13,934 bilion bagi dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan daripada Akaun Hasil Disatukan; dan
- (ii) sebanyak RM10 juta sebagai pemberian kepada Tabung Perfileman Drama dan Penyiaran.

Tambahan sebanyak RM860.2 juta di bawah Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM660.2 juta untuk membiayai penyesuaian gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
- (ii) sebanyak RM200 juta untuk perbelanjaan mengurus Institut Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk penyesuaian gaji, elaun rumah pensyarah, kerja penyelenggaraan dan pembinaan, kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Tambahan sebanyak RM119.9 juta di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM114.9 juta untuk membiayai penyesuaian gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
- (ii) sebanyak RM5 sebagai pemberian kerajaan kepada Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia.

Tambahan sebanyak RM291.8 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan untuk membiayai penyesuaian gaji dan imbuhan kakitangan 1996 serta perbelanjaan Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia.

Tambahan sebanyak RM37.2 juta di bawah Maksud B.19 - Kementerian Pertanian untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian.

Tambahan sebanyak RM28.2 juta di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM9.2 juta untuk perbelanjaan lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke luar negara dan lawatan ketua negara serta ketua kerajaan dari negara-negara sahabat ke Malaysia; dan
- (ii) sebanyak RM19 juta untuk bayaran elaun guru dan Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Tambahan sebanyak RM18.7 juta di bawah Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tambahan sebanyak RM16.1 juta di bawah Maksud B.45 - Kementerian Sumber Manusia untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM10.9 juta untuk membiayai penyelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996; dan
- (ii) sebanyak RM5.2 juta untuk menampung kenaikan kos makanan di Institut Latihan Perindustrian (ILP), bayaran gaji dan elaun pengajar kontrak.

Tambahan sebanyak RM11.6 di bawah Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996 termasuk badan-badan berkanun di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Tambahan sebanyak RM10.5 juta di bawah Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.

Tambahan sebanyak RM10.5 juta di bawah Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai penajaan Pasukan Lumba Kereta Formula I.

Tambahan sebanyak RM7 juta di bawah Maksud B.44 - Kementerian Penerangan untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.

Tambahan sebanyak RM4.4 juta di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai peningkatan aktiviti-aktiviti Polis DiRaja Malaysia.

Tambahan sebanyak RM4.2 juta di bawah Maksud B.3 -Jabatan Audit untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.

Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.37 - Jabatan Imigresen untuk membiayai pelarasan gaji dan imbuhan kakitangan 1996.

Tambahan yang lain sebanyak RM10,425,441 adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.5 -Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.11 - Badan Pencegah Rasuah, B.13 - Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, B.15 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.23 - Jabatan Arkib Negara, B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti, B.27 - Jabatan Perpustakaan Negara, B.33 - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, B.41 - Jabatan Pertahanan Awam, B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, B.43 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan B.49 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1996 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1997 adalah berjumlah RM362,745,000 iaitu untuk perbelanjaan Bekalan. Jumlah tersebut yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan untuk membiayai penswastaaan perkhidmatan sokongan hospital-hospital kerajaan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1997 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 1997.

Sekarang, izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1996.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1996 adalah berjumlah RM491,616,881. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM466,870,030 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM24,746,851 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut kementerian atau jabatan adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM180 juta di bawah Maksud P.26 - Kementerian Pendidikan bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM20 juta bagi Universiti Pertanian Malaysia untuk membiayai empat projek dalam pembinaan dan bayaran akhir bagi projek yang telah siap;
- (ii) Sebanyak RM26.2 bagi Universiti Malaya untuk membiayai bayaran kemajuan 27 projek dalam pembinaan dan bayaran akhir projek yang telah siap;
- (iii) Sebanyak RM70 juta bagi Universiti Kebangsaan Malaysia untuk membiayai projek hospital UKM yang sedang dalam pembinaan;

- (iv) sebanyak RM26 juta bagi ITM untuk membiayai 13 projek dalam pembinaan dan bayaran peralatan kejuruteraan;
- (v) sebanyak RM9.3 juta untuk bayaran kemajuan projek sekolah menengah berasrama penuh;
- (vi) sebanyak RM14 juta untuk membiayai kos tapak Maktab Perguruan Taiping sebanyak 200 ekar;
- (vii) sebanyak RM4.5 juta untuk membiayai bayaran kemajuan pembinaan asrama biasa;
- (viii) sebanyak RM10 juta untuk bayaran tapak projek sekolah menengah dan rendah yang baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tambahan sebanyak RM140.9 juta di bawah maksud P.47 - Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM75 juta untuk membiayai sebahagian bayaran projek kemajuan pemanjangan landasan kapal terbang di Langkawi.
- (ii) sebanyak RM64.8 juta untuk membiayai sebahagian daripada kos pelaksanaan projek sistem kawalan trafik udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kota Kinabalu, Kuching dan Lapangan Terbang Johor Bahru dan Genting.
- (iii) sebanyak RM 1.1 juta sebagai pinjaman mudah untuk membiayai projek Sistem Rel Transit Ringan, Sistem 2.

Tambahan sebanyak RM69.7 juta di bawah maksud P. 46 - Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, untuk pemberian modal bagi Pengkorporatan SIRIM Berhad dan MIMOS Berhad.

Tambahan sebanyak RM44.9 juta di bawah maksud P.36 - Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- i) sebanyak RM26.3 juta untuk membiayai bayaran projek perhubungan radio yang meliputi projek AMHASNET dan INDIVSEL.

ii) sebanyak RM18.6 juta untuk membiayai pembelian helikopter PDRM.

Tambahan sebanyak RM27.4 juta di bawah maksud P.49 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menjelaskan bayaran kepada kontraktor bagi projek sistem janakuasa 20 megawatt di Seguntor, Sabah.

Tambahan sebanyak RM23.6 juta di bawah Maksud P.28 - Perbendaharaan sebagai pinjaman bagi pemberian modal kerja kepada Composites Technology Research Malaysia. (CTRM).

Tambahan sebanyak RM2.9 juta di bawah Maksud P.23 - Jabatan Arkib Negara, untuk membiayai sebahagian daripada pampasan pengambilan balik tanah bagi projek Rumah Kelahiran Dr. Mahathir.

Tambahan sebanyak RM2.2 juta di bawah Maksud P.40 - Jabatan Penjara bagi membiayai bayaran kemajuan projek bangunan-bangunan penjara yang telah siap dan yang sedang dalam pembinaan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1996 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1996 selepas ini selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wong See Wag: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1996

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin

Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam ratus enam belas ribu, lapan ratus lapan puluh satu (RM491,616,881) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996 untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh satu juta, enam rtus enam belas ribu, lapan ratus lapan luluh satu (RM491,616,881) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun-tahun 1996/1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang. Dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Tanjong.

3.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, pada hari Isnin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak menyangkal kenyataan saya bahawa dalam satu tinjauan kerajaan ke atas para peniaga antarabangsa baru-baru ini, didapati rasuah merupakan faktor kekhuatiran terbesar mereka atas soal suasana pelaburan di Malaysia. Pada hakikatnya, amalan rasuah merupakan antara lima faktor kekhuatiran utama bagi peniaga antarabangsa mengenai pelaburan di Malaysia dalam tinjauan ini.

Ini adalah sebab mengapa DAP mengalu-alukan serta menyokong perisytiharaan Yang Amat Berhormat bahawa kerajaan telah mengambil keputusan untuk menambahkan peruntukan kewangan serta sumber manusia dalam Badan Pencegah Rasuah di samping berada dalam tahap terakhir mendraf suatu pindaan ke atas Akta Pencegah Rasuah. Walaupun usaha demikian kelihatan terlalu remeh, lemah dan terlalu lewat dalam waktu ini, di mana cabaran yang perlu dihadapi bagi membasmi amalan rasuah yang menular semakin besar dan sukar.

Kerajaan harus menunjukkan komitmen yang lebih dalam memerangi rasuah, terutama terhadap mereka yang berkedudukan politik tinggi, di samping mengadakan usaha khusus supaya Malaysia mengishtiharkan perang sedaya-upaya terhadap rasuah bagi mencerminkan kemajuan Malaysia dalam senarai indeks persepsi rasuah antarabangsa (Transparency International)..

Maka, adalah tanpa keraguan bahawa kes Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib, yang telah ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane kerana tidak memaklumkan wang tunai berjumlah RM2.4 juta serta laporan berkenaan dengan kekayaan dan harta beliau di Australia, bukan sahaja akan menjadi satu faktor utama bagi menentukan kedudukan Malaysia dalam senarai indeks persepsi rasuah antarabangsa (TI), tetapi akan turut menjejaskan keyakinan para peniaga antarabangsa ketika

mempertimbangkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan ataupun dalam bertindak balas terhadap usaha Malaysia mendapatkan sokongan antarabangsa menjayakan projek Koridor Raya Multimedia yang bernilai RM5 billion.

Semalam, *Brisbane Courier Mail* menyiarkan satu lagi laporan mengenai peristiwa Tan Sri Muhammad di Brisbane, di bawah tajuk “A matter of a suitcase of cash and a Malaysian minister”. Sangat panjang, tapi saya tidak baca ini, apa yang mustahak di sini ialah mengenai tiga interpretasi, tiga penjelasan mengenai kes ini. Satu, apabila Tan Sri Muhammad Taib bercakap kepada Sultan Selangor bahawa wang itu untuk membeli rumah anaknya. Kedua, apabila beliau bercakap kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk ‘shopping’. Dan ketiga, ialah penjelasan beliau sendiri untuk rumah abang adik beliau.

Sekiranya Muhammad Taib cintakan Malaysia, beliau harus meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor [*Tepuk*] serta menamatkan episod yang sungguh memalukan ini yang mencetuskan berbagai laporan antarabangsa mengenai kekayaan luar biasanya, supaya tidak menjejaskan kedudukan Malaysia dalam senarai persepsi korupsi Transparency International 1997 yang akan dibentangkan pada pertengahan tahun ini.

Inilah perkara yang betul dan wajar dilakukan oleh Muhammad Taib, memandangkan beliau enggan ataupun tidak berupaya menjelaskan dengan sepenuhnya dan memuaskan mengenai hartanah-hartanahnya yang berbagai di Australia, serta lain-lain kekayaannya yang berjumlah berpuluh-puluh juta ringgit, langsung tidak selaras dengan sumber pendapatannya yang rasmi.

Pada hakikatnya, buku terbaru yang diterbitkan oleh seorang penulis yang menganggap dirinya sebagai ‘the most controversial political analyst known as the ‘killer

writer' who has caused the downfall of the two Deputy Prime Ministers and many other malay political leaders”, iaitu S.H.Alattas, adalah mengenai Muhammad Taib dan tajuk bukunya bernama “The Five Hundred MILLION Dollar Man”.

Semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh saya pada hari Isnin, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata bahawa kini telah wujud provisi dalam perundangan anti-rasuah yang membolehkan BPR mengambil tindakan terhadap para pemimpin kerajaan dan politik yang telah mengumpul jumlah kekayaan melalui cara yang bukan melalui cara rasmi dan terbuka.

Walau bagaimanapun, dalam 30 tahun sejarah BPR, tiada satupun kes pemimpin politik ataupun pegawai kerajaan Malaysia yang pernah dituduh atas sebab amalan rasuah kerana memiliki kekayaan yang luar biasa atau berkehidupan lumayan yang tidak berpadanan dengan pendapatan rasminya.

Adakah kerajaan ataupun BPR kata bahawa dalam tiga dekad yang lepas tidak terdapat seorang pun pemimpin politik ataupun pegawai tinggi kerajaan yang pernah mengumpulkan jumlah harta luar biasa serta hidup secara mewah tidak selaras dengan pendapatan rasmi mereka?

Saya pasti sekiranya BPR menjemput orang ramai untuk melaporkan kes pemimpin politik dan pegawai kerajaan yang hidup mewah serta memiliki kekayaan luar biasa dan berpendapatan tidak sepadan dengan sumber pendapatan rasminya, dengan menjamin bahawa setiap laporan berkenaan akan disiasat dengan teliti dan dilaporkan hasil siasatannya secara terperinci, maka BPR seterusnya akan dibanjiri dengan laporan-laporan orang ramai.

Saya ingin berkata di sini bahawa rakyat Malaysia sungguh kesal dengan cara BPR mengendalikan kes Muhammad Taib. Bagaimanakah BPR dapat mendapat keyakinan

orang ramai bahawa ia memiliki kuasa serta kebebasan untuk menyiasat kes yang melibatkan pemimpin politik berkedudukan tinggi, memandangkan ia tidak berani untuk menyatakan sama ada ia telah menyoal siasat Muhammad Taib serta mengarahkan beliau mengisytiharkan aset-aset kepunyaan beliau sendiri, isteri beliau, anak-anak serta saudara beliau.

Jika kerajaan memang serius dan tidak bertolak ansur dalam memerangi amalan rasual, maka peruntukan setakat sumber kewangan serta sumber manusia adalah tidak memadai.

Saya akan mencadangkan supaya kerajaan mengambil pertimbangan yang serius ke atas editorial *New Straits Times* hari ini di bawah subjek “Way To Fight Graft”.

Dan ini ada cadangan-cadangan bahawa satu pemulihan sistem lama di mana agensi berkenaan yang hanya memiliki sebilangan kecil kakitangan pentadbiran tetap, manakala para penyiasat merupakan pegawai yang datang daripada agensi-agensi lain seperti Balai Polis dan Pejabat Peguam Negara. Pegawai-pegawai yang berkenaan hanya berkhidmat untuk satu jangka masa yang singkat dengan BPR di mana mereka tidak berupaya menjadi terlalu selesa dengan tugas mereka ataupun membiasakan diri dengan pihak yang mereka kendalikan.

Sepertimana yang disebutkan oleh editorial berkenaan, dengan izin, “familiarity might also lead to temptation and that is the last thing ACA men should face, especially at the fag-end of their career”.

Saya menyokong cadangan editorial *New Straits Times* bahawa kerajaan harus mempertimbangkan opsiyen untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang mahir dari agensi-agensi lain, supaya ditempatkan di BPR selama lebih kurang lima tahun, yang dengan izin, “would be long enough for them to master the special skills required of anti-

corruption officers but too short for them to be accustomed with their environment and become complacent. Or perhaps, succumb to temptation.” Saya berharap kerajaan akan menerima cadangan ini demi mewujudkan satu Badan Pencegah Rasuah yang lebih berkesan.

Dalam sejarah 30 tahun BPR ini, wujudnya dua ketua pengarahnya yang lebih dikenali ramai, iaitu Tan Sri Mr. Justice Harun Hashim dan Tan Sri Zulkifli Mahmood.

Sungguhpun kedua-dua mereka ini dikenali kerana komitmen mereka untuk melawan rasuah, tetapi kedua-duanya tidak berupaya mencapai hasil yang memuaskan. Malah Tan Sri Zulkifli adalah lebih malang dari Ketua Pengarah BPR yang pertama, di mana Tan Sri Harun Hashim menjelaskan seperti berikut dalam satu kolum NST pada bulan Disember dan dipetik, dengan izin:

“When I was a director-general of the ACA in the 60s, I authorised all prosecutions without reference to either the Prime Minister or the Attorney-General. Tunku Abdul Rahman who was the Prime Minister at the time wanted it that way to assure the public that there was no political interference of the ACA”.

Saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya memulihkan kedudukan ini dan memastikan bahawa dalam proses meminda Akta Pencegah Rasuah, Ketua Pengarah BPR akan diberi kuasa untuk memutuskan sama ada pendakwaan perlu dilakukan, tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara terdahulu.

Tambahan lagi, BPR harus dinaikkan kedudukannya menjadi sebuah badan yang berkuasa autonomi, menjawab kepada Parlimen, dan bukannya hanya merupakan satu jabatan di bawah Pejabat Perdana Menteri, dan diberi kuasa sepenuhnya untuk bertindak menentang rasuah tanpa berpihak atau memilih.

Dua hari yang lepas, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, berkata bahawa para pemohon untuk jawatan-jawatan kosong di dalam bank dan institusi kewangan mungkin dikehendaki menduduki ujian psikologi/personaliti sebagai usaha kerajaan mengurangkan jenayah kolar putih dalam industri berkenaan yang berjumlah berjuta-juta ringgit setahun.

Beliau berkata bahawa Bank Negara akan menyediakan satu set prosedur untuk ujian yang dicadangkan itu, dan sekiranya prosedur ini diterima, maka ia hanya akan dilaksanakan ke atas calon-calon baru.

Sungguhpun matlamat dan niat ujian psikologi/personaliti sedemikian yang bertujuan untuk mengurangkan kemungkinan perbuatan jenayah kolar putih patut dipuji, tetapi sama ada terdapat ujian psikologi/personaliti yang efektif bagi mengesan kecenderungan calon untuk melakukan jenayah kolar putih pada masa depan masih merupakan satu persoalan.

Jika terdapat ujian psikologi/personaliti sedemikian, adakah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri-Menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri harus diminta untuk menjalani ujian ini untuk mengurangkan insiden rasuah bukan hanya atas alasan bahawa persepsi antarabangsa menunjukkan amalan rasuah adalah satu isu yang serius di Malaysia, tetapi juga untuk menunjukkan komitmen kerajaan dalam memerangi amalan rasuah, terutamanya di kalangan mereka yang berkedudukan politik tinggi.

Saya menyokong penuh sentimen yang dikemukakan oleh Yang Brhormat dari Balik Pulau, yang mengutarakan kebimbangan beliau mengenai ketidakupayaan Parlimen untuk memainkan peranan yang bermakna dalam proses membuat keputusan negara serta tindakan meremehkan prosiding Parlimen oleh media massa.

Beliau telah merujuk kepada “attendance watch” harian Parlimen yang dilakukan oleh NST serta permulaan mesyuarat ini. Dalam “attendance watch” NST, kita dapat memerhatikan bahawa dalam kesemua lima hari mesyuarat bulan April, Dewan yang mulia ini telah bersidang tanpa memenuhi kuorum setiap hari. Adalah tidak mungkin untuk menjelaskan kepada orang ramai kenapa hanya terdapat 11 orang Ahli Parlimen

dalam Dewan Rakyat pada 6.15 petang, 2hb. April, sungguhpun terdapat sejumlah 192 Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat ini.

Walau bagaimanapun, prosiding Parlimen bukan sahaja diremehkan oleh media-massa melalui keputusan memperuntukkan ruang yang terhad bagi laporan Parlimen, tetapi sikap kurang bertanggungjawab ramai menteri yang sama ada tidak mahu melaksanakan tugas mereka ataupun datang ke Parlimen untuk tunjuk muka sahaja.

Dalam jawapan kementerian selama dua hari yang baru berlangsung atas perbahasan Usul Terima Kasih Titah Ucapan Diraja, hanya tiga menteri yang menganggap bahawa perdebatan dasar Parlimen ini cukup penting untuk menyebabkan mereka hadir di Dewan yang mulia ini, untuk menjawab sendiri. Mereka adalah Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kerja Raya dan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Kabinet mempunyai sejumlah 27 menteri. Kita juga tahu bahawa Perdana Menteri kini dalam lawatan rasmi ke Bahrain, bolehkah kerajaan memberi satu laporan kepada Dewan Rakyat apakah yang terjadi kepada 23 orang menteri yang lain dalam hari-hari yang lepas sehinggakan mereka tidak dapat melaksanakan tugas Parlimen mereka untuk menjawab ucapan serta perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen semasa menyertai perbahasan dasar ke atas Titah Ucapan Diraja dan hanya membahagikan tugas ini kepada Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen mereka?

Menteri yang paling terkenal dengan 'playing truant' menghadiri Parlimen adalah Menteri Pengangkutan yang tidak menunaikan resolusi Tahun Barunya sendiri, iaitu lebih mengambil perhatian bermula tahun ini dalam melaksanakan tugas Parlimen.

Jawapan yang diberikan oleh sesetengah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen adalah agak tidak memuaskan. Sebagai contoh, Timbalan Menteri Luar Negeri, telah langsung mengabaikan isu Burma dalam jawapannya sungguhpun saya telah

membangkitkan isu yang penting ini memandangkan SLORC sedang menunggu gilirannya untuk diterima masuk ke ASEAN menjelang mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Kuala Lumpur Julai ini.

Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Belia dan Sukan pula bertanya dari mana saya mendapat angka RM500 juta yang dianggarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk program ke perkhidmatan sosial nasional bagi 400,000 pelajar SPM dan pertuturannya semalam seakan-akan menuduh saya mengada-adakan angka itu ataupun saya mendapati dari sumber-sumber bawah tanah!

Saya boleh faham sekiranya seorang Setiausaha Parlimen tidak terbaca sesuatu item di suratkhbar, sungguhpun ini sesuatu yang tidak harus dimaafkan, memandangkan perkara ini berkaitan dengan kementeriannya, menterinya sendiri, tetapi apabila beliau menjawab di dalam Dewan yang mulia ini, beliau tidaklah mewakili dirinya, tetapi keseluruhan Kementerian Belia dan Sukan dan tidak mungkin beratus-ratus pegawai dalam keseluruhan Kementerian Belia dan Sukan tidak terbaca laporan yang sebegitu penting.

Untuk makluman, keseluruhan Kementerian Belia dan Sukan, anggaran RM500 juta yang diperlukan untuk perkhidmatan sosial nasional yang dicadangkan itu telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri dan ia telah dilaporkan di bawah tajuk "Time to Shape Up - Youth and Sports Ministry plan for three month" di dalam *Star* pada 28hb. Februari, 1997 di muka hadapan.

Saya akan mencadangkan Yang Berhormat Menteri patut menjalankan penyiasatan mengenai mengapakah para pegawai kementeriannya sendiri telah tidak memberikan perhatian kepada apa yang dinyatakan olehnya sendiri, sehinggakan Setiausaha Parlimennya telah melakukan kesilapan yang begitu besar atas isu RM500 juta untuk program perkhidmatan sosial nasional ini.

Saya kagum bahawa akhirnya kerajaan menjadi serius berkenaan keaiban negara setelah negara lain bercadang menyambungkan sekolah mereka kepada ‘Information Superhighway’ menjelang tahun 2000 pada masa yang sama masih terdapat 1,273 sekolah yang ketiadaan bekalan elektrik atau hanya dengan bekalan yang sedikit termasuk 632 sekolah di Sarawak dan 495 di Sabah.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar memberitahu semalam di Parlimen bahawa beliau telah mempengerusikan satu jawatankuasa pelbagai kementerian untuk memberi keutamaan kepada pembekalan elektrik ke semua sekolah. Ketika saya meminta beliau menyerahkan laporan berkenaan itu kepada persidangan yang akan datang, beliau menjawab oleh kerana ini merupakan satu isu yang penting, maka ia harus diserahkan lebih awal dan bukannya sehingga Persidangan Parlimen pada bulan Julai.

Saya akan menerima tawaran Yang Berhormat Menteri serta meminta supaya mengadakan perjumpaan bulanan dengan beliau bagi membincangkan kemajuan pelan kerajaan dalam membekalkan elektrik kepada semua sekolah bermula pertengahan bulan depan.

Saya mencadangkan bahawa perjumpaan bulanan ini harus terbuka kepada semua Ahli Parlimen tanpa merujuk kepada parti, sesiapa yang mengambil berat terhadap isu ini memandangkan pembekalan elektrik ke semua sekolah merupakan satu isu kebangsaan yang memerlukan para Ahli Parlimen daripada semua parti politik untuk mengatasi perbezaan pendirian politik mereka.

Baru-baru ini *Asia Wall Street Journal* ada melaporkan bahawa Ekran sedang mempertimbangkan untuk menghapuskan rancangan menawarkan 10% dari tawaran

saham IPO kepada pelabur asing dalam projek Bakun kerana tindak balas yang tidak seberapa atau dingin dari para pelabur asing terhadap projek ini.

Mengikut cadangan penyenaaraian asal yang diumumkan oleh Ekanan pada awal Februari, 10% dari saham Bakun Hydro-Electric Corp. Bhd - iaitu syarikat beroperasi utama projek berkenaan, iaitu sejumlah 150 juta saham, akan diperuntukkan kepada pelabur asing di IPO dalam bulan Julai.

Bagaimanapun, Ekanan kini khuatir 10% peruntukan untuk pelabur asing ini mungkin tidak akan dilayan dan mungkin berlebihan, kerana ramai pengurus tabung asing serta syarikat-syarikat broker tidak memandang baik terhadap projek Bakun.

Kebelakangan ini, pasaran berura-ura tentang masalah kewangan berhubung dengan projek Bakun bernilai RM13.6 bilion. Dan ura-ura ini juga dipertingkatkan lagi oleh laporan *Asian Wall Street Journal* yang lebih awal yang mengatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri telah menolak permintaan pemegang saham utama Ekanan, Tan Sri Ting Pek Khiing, supaya kerajaan menjamin kelengkapan kredit interim sebanyak sebilion ringgit kepada promoter Bakun dan wang itu ialah untuk, dengan izin:

“to meet payments to the builders of the dam, a consortium led by Swiss-Swedish construction company Asea Brown Boveri Ltd.”

Menteri Kewangan haruslah menjelaskan masalah kewangan yang dihadapi oleh projek Bakun, sebab mengapa kerajaan mengeluarkan Letter of Comfort sungguhpun Bakun merupakan projek yang telah diswastakan dan sama ada perkara-perkara ini termasuk cadangan menghapuskan tawaran 10% saham Bakun di IPO kepada pelabur asing, merupakan indikator kekurangan keyakinan orang ramai terhadap projek Bakun.

Kerajaan harus menjelaskan sepenuhnya isu berkenaan dengan projek Bakun ini, memandangkan projek ini merupakan satu projek yang penuh berkontroversi, bukan

hanya terhadap ke atas kesan alam sekitar dan feasibiliti teknikalnya, tetapi juga dari segi feasibiliti kewangannya.

Satu penjelasan kepada Parlimen menjadi lebih perlu lagi berikutan dengan ancaman Ting Pek Khiing untuk mendakwa seorang wartawan freelance, M.G.G Pillai, atas kerugian yang dicitus hasil dari postingnya ke atas newsgroup Internet di bawah tajuk “Is there a problem over the Bakun dam”, yang antara lain mengatakan:

- * Bahawa kerja di kawasan Bakun telah dihentikan, bahawa beberapa pakar telah meninggalkan tempat itu dan pembayaran tidak dibuat.
- * Bahawa terjadinya enam kematian hasil dari keruntuhan terowong di kawasan Bakun.

Dan *Berita Harian* melaporkan Ting Pek Khiing sebagai berkata beliau telah mengarahkan penasihat undang-undang supaya mengkaji kemungkinan meminta sebanyak RM13.6 bilion wang pampasan kerugian daripada M.G.G Pillai.

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat menggulung ya.

Tuan Lim Kit Siang: Menggulung ya. Oh! habis atau masa terhad?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada hadnya.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! Ini RM16 bilion belanjawan. Okay, saya gulung.

Satu, kenyataan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, di Parlimen hari semalam bahawa sijil peperiksaan unified yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zhong untuk sekolah-sekolah menengah China tidak akan diiktiraf sebagai syarat masuk ke New Era College merupakan sesuatu yang mengemparkan, kerana ia telah menjadikan kelulusan yang diberikan oleh kerajaan bagi penubuhan New Era College langsung tidak bermakna.

College New Era telah ditubuhkan oleh Dong Jiao Zhong, dengan sokongan masyarakat China, sebagai sumbangan melatih tenaga kerja mahir di negara ini, dan membekalkan peluang pendidikan tinggi kepada para pelajar dari 60 sekolah menengah persendirian ini.

Semasa pilihan raya umum para pemimpin UMNO, termasuk PM dan TPM telah memuji secara terbuka sumbangan sekolah-sekolah menengah China persendirian ini dalam pembangunan negara serta melatih tenaga kerja berkelayakan.

Maka adalah mematuhi logik, bahawa dengan kelulusan kerajaan bagi penubuhan New Era College, ia harus membenarkan sijil peperiksaan unified yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zhong diterima sebagai syarat masuk ke New Era College.

Kementerian Pendidikan harus menyedari bahawa sijil peperiksaan unified adalah diiktiraf oleh dunia antarabangsa dan diterima sebagai syarat kemasukan ke pelbagai universiti prestij di negara-negara asing.

Maka tidak ada sebab mengapa Malaysia sendiri tidak boleh menerima sijil peperiksaan ini sedangkan ia diterima oleh masyarakat dunia dan masa telah tiba bagi kerajaan menunjukkan bahawa pujian-pujian yang ditujukan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian terhadap pembangunan negara ini bukanlah hanya untuk memancing undi semasa pilihan raya umum, tetapi mewakili pandangan yang ikhlas dari para pemimpin kebangsaan dan Kabinet haruslah mengambil keputusan dasar supaya mengiktiraf sijil peperiksaan unified ini sebagai syarat kemasukan ke New Era College dan janganlah membiarkan isu ini menjadi satu lagi punca pembahagian serta pertelingkahan nasional.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian.

4.12 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, menentang Yahudi adalah soal akidah. Ini ditegaskan oleh para ulama sama ada terdahulu ataupun sekarang. Huraian daripada isi-isi kandungan al-Quran dan juga hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun perjanjian damai pengiktirafan antara Mesir dengan Israel yang diadakan sejak tahun 1980, tetapi Mufti Mesir masih tidak menarik balik iaitu hubungan antara Mesir dengan Israel itu adalah hubungan yang haram dan mufti manapun selepas itu tidak pernah membatalkan grand Mufti Mesir yang telah mengeluarkan fatwa tersebut.

Soal menentang Yahudi ini adalah soal akidah, menentang zionis adalah soal akidah, maka sebarang penentangan, tunjuk perasaan yang diadakan untuk menentang Yahudi adalah soal akidah. Oleh itu, pihak anggota polis dalam hendak menyelesaikan, hendak meleraikan tunjuk perasaan yang berunsur akidah bukan sama dengan tunjuk perasaan bola sepak, tunjuk perasaan hal tanah, tunjuk perasaan dalam masalah rumah haram dan sebagainya atau tunjuk perasaan tentang kenaikan harga barang.

Dalam mengendalikan satu tunjuk perasaan atau himpunan yang berdasarkan akidah, menunjuk perasaan itu sampai ke peringkat hujungnya, mereka rela mati. Ini kita lihat berlaku dalam 'Peristiwa Mamali'. Kalau ini disilap kendali di masjid baru-baru ini, di hadapan Universiti Malaya boleh juga membawa kematian, waktu itu saya berada di Mesir, sedang berceramah kepada para pelajar di Mesir yang dihadiri lebih 2,000 orang. Isteri saya menelefon mengatakan "250 orang ditangkap". Soalan saya kepada isteri saya ialah "berapa terbunuh?" sebab bagi kita tunjuk perasaan ataupun bantahan terhadap Yahudi ini bukan perkara isu semasa, bukan perkara main-main. Oleh itu, kerajaan hendaklah memandang serius perkara ini bukan perkara main-main. Kalau bawa lagi

Yahudi ke sini atau buat lagi hubungan diplomatik dengan Israel, kami akan menentang secara besar-besaran dengan lebih hebat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap di bawah kementerian mana itu?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cari di bawah Kementerian Luar Negeri pun tidak ada.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Dasar, yalah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: KDN! KDN.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi bukan itu semua.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kementerian Dalam Negeri .

Tuan Yang di-Pertua: Kita di dalam Perbekalan Tambahan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan kesemua, hanya boleh berucap di atas dasar-dasar ke atas kementerian-kementerian yang meminta wang. Wang tambahan sahaja.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kementerian Dalam Negeri ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi kepada dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kenaikan gaji anggota polis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Bolehlah yang itu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha! Bolehlah. Jadi, pihak polis yang dinaikkan gaji dan kita minta naikkan lagi gaji mereka, hendaklah bertindak dengan cekap, bukan bertindak secara menyuraikan tunjuk perasaan, hal-hal bola dan sebagainya. Sebab di luar negeri saya lihat bagaimana wanita dipukul, bagaimana orang yang jatuh dalam longkang dipukul, disimbah pula dengan air asid, yang boleh menyebabkan orang

muntah-muntah - semua ini berlaku dan sehingga gas-gas itu ditembak terlepas ke dalam masjid, masuk ke dalam masjid untuk menangkap tanpa membuang kasut dan sebagainya. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kecekapan mereka selama ini kita sanjung, tetapi perbuatan mereka yang bersifat kasar terhadap tunjuk perasaan baru-baru ini boleh menyebabkan imej Malaysia disebut-sebut di negara luar sekarang ini iaitu yang mengendalikan tunjuk perasaan secara kasar. Yang ditangkap itu termasuklah orang tua berumur 85 tahun dan termasuklah ahli-ahli jawatankuasa masjid ataupun orang yang selalu pergi ‘beriktikaf’ di masjid, termasuk peguam yang pergi untuk membela juga ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap. Oleh itu, kecekapan pihak polis dalam mengendalikan kes ini kita harap perlu dipertingkatkan pada masa yang akan datang.

Kemudian, Perdana Menteri pula mengatakan bahawa pasukan kriket Israel itu datang ke sini tujuan kita untuk memberi pengajaran kepada mereka untuk berdakwah. Siapakah Perdana Menteri untuk mendakwah Yahudi sedangkan para Nabi dan para Rasul tidak didengar oleh Yahudi. Nabi Musa a.s. setelah pergi munajat di Bukit Tursina, Rasul mereka sendiri, Nabi mereka sendiri, mereka pertikaikan, mereka engkar. Nabi Muhammad s.a.w. mengikat perjanjian Piagam Madinah dengan bangsa Yahudi tetapi semasa perang Ahzab, orang Yahudi ini merombak janji dan akhirnya Nabi Muhammad dan tentera Islam mengusir mereka ke Kaibar dan seterusnya mengusir daripada Kaibar.

Yang paling akhir sekali kita lihat perjanjian damai yang diusahakan di Oslo, kita lihat bagaimana sedang orang yang menandatangani itu masih hidup, Presiden Amerika masih hidup, mereka telah merombak janji, mereka membina pula rumah sekarang di Hahoma ataupun Abu Ghanim sebanyak 6,500 buah rumah dalam perancangan Yahudi untuk membuka 90,000 buah rumah di keliling Masjid Aqsa, iaitu bila siap 90,000 buah rumah di keliling Masjid Al-Aqsa itu maka wajah Masjid Al-Aqsa akan berubah sama sekali, dia akan berada di tengah-tengah penempatan Yahudi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah yang itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, kita masuk tajuk pula.

Tuan Yang di-Pertua: Pergilah kepada tajuk yang lain pula.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hari itu pada peringkat dasar, saya tidak hadir.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silap siapa itu? *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak polis dengan kenaikan gaji ini *[Ketawa]* meningkatkan perkhidmatan mereka supaya mereka bertindak dengan lebih disiplin, tahu bagaimana hendak hadapi orang yang berdemonstrasi soal akidah dan kecekapan mereka dapatlah dipertingkatkan. Sekali lagi

kami memberi amaran sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Malaysia jangan bermain soal Yahudi ini. Negara kita aman dan tenteram.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:.....jangan lupa, jangan membawa mala petaka ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soal BPR, soal rasuah.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh saya tanya sedikit?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Hendak masuk kepada tajuk lain? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya hendak tanya, saya tengok dalam TV, Nik Aziz pun sokong polis. Apakah hilang warak Nik Aziz?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, saya tak benarkan dijawab, tak usahlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini dia bukan cerdik sangat. Nasib baik duduk dalam UMNO naiknya.....

Tuan Yang di-Pertua: Masuk kepada perkara lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, kita pergi. Duduk dalam UMNO ini tidak cerdik pun naik.

[Ketawa]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, dia memberi kenyataan yang.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cerdik, cerdik. Timbalan Menteri Pengangkutan cerdik, sebab itu naik pangkat.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasihlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Undi No. 4 tertinggi dalam MKT, tahniah. Yang cerdik pun kalah, macam Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tidak boleh membuat kenyataan yang boleh memberi perkataan yang tidak baik kepada mana-mana ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih atas teguran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia ingat semua, No. 4 pun dia ingat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kenyataan Menteri Besar Kelantan itu disiarkan yang setengahnya itu, hujungnya tidak, selepas itu tidak, ini cara TVlah, macam saya kena dahulu sekali.

Saya seterusnya ingin menyentuh bahagian Badan Pencegah Rasuah, sebab masalah ini sekarang menjadi-jadi dan ianya dipercakapkan terutama di Kementerian Penerangan di mana di sini kita lihat aduan-aduan yang telah dibuat. Kalau kita dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kita boleh lihat bagaimana kementerian yang paling teruk di sudut menguruskan sesuatu perkara ialah Kementerian Penerangan. Sebab itulah UMNO teruk, sebab Setiausaha Agungnya dahulu orang yang menguruskan kementerian yang teruk.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita lihat ada aduan yang dibuat kepada BPR terhadap kegagalan syarikat Jean & Co. Sdn. Bhd., ditolak tawaran mereka untuk iklan bagi syarikat rokok Benson & Hedges kerana di antaranya dituduh syarikat ini akan memberi rasuah kepada Menteri Penerangan sebanyak RM150,000. Sama ada tuduhan ini benar atau tidak, laporan barangkali telah dibuat dan kita lihat bahawa kerana ada tuduhan ini terhadap menteri, maka syarikat itu sekarang ini teraniaya. Segala permohonan mereka ditolak untuk iklan rokok. Saya bukan bersetuju dengan rokok dan saya tidak pernah hisap rokok. Tetapi yang kita bincang di sini ialah soal amalan rasuah yang mungkin berlaku di Kementerian Penerangan. Walaupun semua tuduhan telah dinafikan melalui surat-surat yang dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri, tetapi kita lihat kesan penyelesaiannya masih juga belum diselesaikan.

Pada 4hb. April iaitu bertempat di rumah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Kota Bharu, seseorang telah menerima panggilan telefon daripada Cik Norehan binti Abdul Jabar yang melaporkan percakapannya dengan Timbalan Menteri Penerangan pada 4hb. April, di antara lain menyatakan, permohonan syarikat Jean & Co. Sdn. Bhd. ditolak kerana Yang Berhormat Dato' Menteri Penerangan menyatakan tidak perlu lagi diluluskan permohonan syarikatnya untuk mendapat kebenaran filem iklan Benson & Hedges kerana orang yang membuat aduan itu mengatakan bahawa menteri berkenaan mendapat rasuah RM150,000.

Sebenarnya aduan ini telah dibuat dan diberitahu bahawa Syarikat Bitz Sdn. Bhd., pengurusan Malayan Tobacco Company (MTC) melalui Encik Raymond Akodar, Ketua Pegawai Eksekutif MTC pada pertemuan bertarikh 10hb. Januari, 1997, menteri telah menyebut kelulusan tersebut tidak boleh diluluskan kerana sogokan daripada Encik Sharif bin Mohamad daripada Bitz (M) Sdn. Bhd. dan kemudiannya dalam pertemuan tarikh itu di antara Bitz (M) Sdn. Bhd. melalui Pengarah Urusan, Encik John Palmer, Yang Berhormat Menteri menyatakan beliau tidak dapat meluluskan kerana Encik Mohd. Ali Hanafiah dari Jean & Co. Sdn. Bhd. hendak memberi rasuah kepadanya yang berjumlah RM150,000. Kita harap pihak BPR dapat menyiasat kes ini kerana kita lihat di Kementerian Penerangan seolah-olah ada tangan luar yang mengendalikan soal kontrak terutama sekali dalam hal rokok. Yang mengendalikan kontrak ini adalah syarikat yang cukup power iaitu Gemema Filem Sdn. Bhd.

Iklan rokok dalam RTM dan sebagainya yang hampir RM200 juta ini dipelopori oleh syarikat ini. Syarikat seratus peratus kepunyaan bumiputera ini ditolak kerana 10% penggambaran filem yang hendak dibuat itu akan dibuat di Amerika Syarikat kerana di Malaysia tidak ada stuntman yang layak untuk dibuat berkenaan dengan

Benson & Hedges, iaitu syarikat itu akan buat terjun di Los Angeles tetapi gambarnya ialah Menara Berkembar Kuala Lumpur, dia menggunakan teknik-teknik filem. Maka terjun di sana kerana alat-alat teknik helikopter di Amerika Syarikat, kemudian gambarannya itu akan ditunjukkan di Menara Kuala Lumpur dan juga bangunan-bangunan di Kuala Lumpur. Oleh kerana 10% penggambaran syarikat itu, perfileman itu dibuat di luar, maka alasannya syarikat ini ditolak. Tetapi syarikat-syarikat tadi walaupun membuat penggambaran 80% di luar negara, diterima filem-filem mereka kerana mereka ini dikatakan rapat dengan orang-orang yang teratas di Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita haraplah BPR sekali lagi diberi kuasa sehebat-hebatnya untuk membanteraskan rasuah.

Saya berbalik kepada hal anggota polis tadi. Salah seorang yang ditangkap bernama Mahfuz Haji Omar. Bila hendak masuk lokap, kita tahulah, semua diambil, cincin, jam, kadang-kadang kita hanya tinggal seluar dalam. Kalau polis itu bertimbang rasa, saya biasalah, dia beri saya pakai seluar, tetapi setengahnya itu dia pakai seluar dalam. Semuanya diambil, tetapi yang ditinggalkan dalam poket seluar Mahfuz ialah kad Giro. Ini kita hendak tengok bagaimana rasuah berlaku dalam lokap. Bila sampai di situ kira-kira tengah malam, seorang anggota polis datang berjumpa Saudara Mahfuz, 'Encik, mahu makan sedapkah?'. Mahfuz kata, 'hendak makan sedap apa? Nasi lokap'. Nasi lokap ini kita tahulah nasi mentah, ikan busuk dan taugeh, kadang-kadangnya sawi yang dipotong tiga. Mahfuz kata, 'mana saya ada wang?'. Dia kata, 'ada, itu Giro dalam poket Encik'. Dia pun tengok, 'eh, Giro tak diambil'. 'Beritahu nombor dan kami boleh keluar untuk beli apa makan yang encik mahu melalui Giro itu'.

Ini kita lihat salah satu perkara. Banyak lagilah perkara-perkara lain yang kami, insya-Allah, akan memohon kebenaran untuk bertemu dengan Ketua Polis Negara untuk berbincang dan memberitahu kepada beliau bagaimana berlakunya rasuah berleluasa dalam lokap. Tauke-tauke dadah bila masuk lokap, dia boleh makan Kentucky Fried Chicken setiap hari. Sebab itulah Abdullah Ang bila masuk penjara, dia boleh duduk seperti di five star hotel di mana bilik jelnnya itu tilam air, TV besar, water bed, boleh keluar ke ladang orkid setiap hari. *[Ketawa]* Inilah Malaysia! Kalau kami masuk penjara, mengadap dinding setiap hari kerana tak boleh keluar, tetapi orang-orang kaya masuk penjara, dalam lokap sudah dapat layanan istimewa, makan Kentucky Fried Chicken setiap hari. Inilah rasuah yang berlaku dalam lokap, di peringkat anggota polis paling bawah, sudah tentulah sampai paling atas seperti Muhammad Taib dan rakan-rakan yang sewaktu dengannya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

4.24 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak tolong rakan-rakan saya kerana mungkin ada pertemuan buat sementara ini di luar Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan perasaan bimbang semasa peralihan Malaysia dari negara bukan digital kepada negara digital. Setelah menikmati keriangian atau buoyancy, ekonomi lebih 8 tahun, permasalahan sosio-ekonomi menjadi lebih ketara seumpama trend sosial, pengedaran dan penagihan dadah, pendatang tanpa izin, penjenayahan siber (cyber crimes) dan pengklonan manusia (human cloning). Adakah kemungkinan bom jangka sosio-ekonomi yang telah saya bangkitkan tahun lepas akan meletup? Sekiranya pembangunan kebendaan (material) tidak diseimbangkan dengan pembangunan rohani (spiritual), maka bom jangka ini pasti akan meletup.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas Yang Berhormat dari Tumpat menyoal saya di Dewan yang mulia ini bilakah nenek moyang saya datang ke Malaysia? Sejarah Kampung Cina, Kota Bharu, Kelantan adalah berkaitan dengan nenek moyang saya yang boleh dikesan ialah lebih 200 tahun. Pada tahun 1824 moyanganda saya telah dilantik oleh Kebawah Duli sebagai seorang kapitan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, di bawah apa itu, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak jawab Yang Berhormat dari Tumpat, Tuan Yang di-Pertua. Dengan latar belakang ini saya berasa bimbang akan kesulitan-kesulitan yang diduga dan yang tidak diduga (a pit falls) yang sedang dan akan dihadapi oleh Malaysia ketika mengalami realiti-realiti kehidupan orang-orang Malaysia, saya menginsafi bahawa walaupun terdapat kemajuan di negara ini, porak-peranda dan kemusnahan boleh berlaku bila-bila masa jika tidak ada toleransi antara pelbagai keturunan penduduk Malaysia.

Negara-negara semacam Lubnan menjadi iktibar kepada kita. Kewujudan tamadun di negara itu adalah beribu-ribu tahun. Pada tahun-tahun 60-an, Lubnan telah digelar sebagai 'Paris Timur' tetapi pada tahun-tahun 70-an ia telah dirosakkan dengan ketiadaan toleransi, perang saudara dan campur tangan kuasa-kuasa luaran dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini, saya akan membangkitkan dua perkara; pertama, kepercayaan moral dan sosial yang kuat, *some strong morale and social beliefs*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, keperluan undang-undang atau akta untuk kejuruteraan genetik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana mereka tidak masuk lagi, mungkin saya boleh sentuh banyak perkara lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tolonglah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga, kerana kalau tidak ada perdebatan memang Setiausaha Parlimen tidak dapat menjawab. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pertama, kepercayaan moral dan sosial yang kuat. Dalam masa peralihan ini, kita terpaksa menyesuaikan diri, zaman beralih, musim bertukar. Kita mengukuhkan ekonomi, kita cuba menguasai sains, teknologi termasuk teknologi maklumat, kita menggunakan alat-alat canggih, semakin hari semakin canggih, tidak ada apa-apa yang boleh disifatkan sebagai kekal, yang kekalnya ialah perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira tahun 2500 S.M. ahli falsafah Yunani Heraclitus of Ephesus mengatakan “dengan perubahan ia berehat”, ‘by changing it rests’. Pada masa yang sama ahli falsafah China, Laozi Taoisme menyatakan “kekutuban pertentangan yang amat sangat *polarity or reversion: anything that has gone far in one direction will inevitably move in the opposite direction*’. Apa yang telah bergerak ke arah satu hala, nescaya akan bergiat ke arah hala yang bertentangan”.

Tuan Yang di-Pertua, ke’ambivalen’an, kesamaran dan amphibia ini, dengan izin, this ambivalence, ambiguity and amphibiousness adalah terkandung dalam buku purba China ‘Yijing the Book of Changes’, buku mengenai perubahan-perubahan 1,600 tahun

yang lepas, St. Augustine mengemukakan, 'immutabilis, mutan omnia' tidak berubah tetapi membolehkan segala berubah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menyahut milenium baru ini, ada perubahan ke arah yang betul dan ada ke hala yang salah. Apa yang baru tidak semestinya baik dan apa yang lama tidak semestinya buruk, yang baik tidak kira baru atau lama haruslah dikekalkan.

Menurut pujangga negara Pak Sako yang telah pun dikenali oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri, tetapi setelah membaca buku-buku mengenai sejarah hidup manusia, mengenai alam rohani atau kejiwaan manusia, maka saya berpendapat tidaklah ada salahnya atau bahayanya jika kita terus berpegang kepada tradisi yang lama, 'direbus tak empuk, dijemur tak lekang dan dianggur tak mati'.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman moden, bukan kerana generasi muda lebih buruk daripada ibu bapanya, bukan. Saya tidak terima yang mengatakan generasi muda itu tak baik, jahat, kalau berbanding dengan ibu bapanya. Sifat manusia tidak berubah, yang berubahnya cuma cara-cara atau manifestasi untuk melakukan sesuatu. Contohnya, jika zaman dahulu, manusia menaiki kereta lembu dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru, sekarang manusia memakai motokar. Kalau zaman dahulu tidak ada tol, kini ada tol. Ini masalah. *[Ketawa]*

Berbagai-macam trend sosial yang telah disebutkan di Dewan yang mulia ini termasuk bilangan kes pembuangan bayi meningkat daripada 36 pada tahun 1989 kepada 55 pada tahun 1996. Bilangan kes perkosaan jувana, sexual assault, dengan izin, telah meningkat daripada 24 pada tahun 1970 kepada 50 pada tahun 1996. Maklumat trend sosial ini adalah tidak lengkap. Sambil menyeru supaya kajian menyeluruh dan agensi payung diadakan, saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, negara ini wajib mewujudkan

kepercayaan moral dan sosial yang kuat daripada tadika kepada institusi pengajian tinggi khususnya dari lahir kepada usia lingkungan 18 tahun dan di umur 18 tahun kita mesti menyemaikan kepercayaan moral yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting, walaupun ada setengah-setengah orang tidak bersetuju, tetapi saya percaya kepercayaan moral dan sosial yang kuat ini memang menjadi satu asas untuk menusia dan saya berharap kita dapat mengadakan kepercayaan untuk semua orang Malaysia generasi baru.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, sejak tahun 1970 terdapat konsep Rukunegara. 'Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan'.

Ini boleh dilihat di halaman hadapan buku-buku rasmi Rancangan Malaysia dan halaman belakang buku-buku latihan. Konsep ini terus menjadi salah satu asas kepercayaan-kepercayaan tersebut, bukan setakat tercatat dalam buku-buku rasmi dan latihan sahaja. Itu yang dibuat selepas 20 tahun, hampir semua tak ingat lagilah. Kalau kita pergi ke sekolah-sekolah, saya bersetuju, susah kita hendak mengawal semua sekolah kerana terdapat hampir 5 juta pelajar-pelajar di seluruh Malaysia.

Tetapi kalau kita pergi waktu pagi nampak perkarangan itu bersih. Tetapi waktu habis sekolah di perkarangan dan sekitarnya penuh dengan sampah-sarap. Ini bukan satu Rukunegara. Sebab itulah saya menekankan, bahawa kita mesti adakan konsep-konsep dan kepercayaan-kepercayaan yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari pelbagai cadangan yang telah dikemukakan oleh pelbagai pihak untuk menangani permasalahan sosial ini, mudah-mudahan dengan kerjasama semua lapisan masyarakat permasalahan ini dapat diatasi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa betapa perlunya untuk menyiasat trend sosial tersebut, beliau juga menekankan bahawa sebagai masyarakat majmuk, terasnya ialah integrasi bukan asimilasi. Kita percaya dengan penuh ghairah dalam perjuangan untuk negara berbilang bangsa dengan amalan-amalan toleransi, merit dan keperluan. Dari tadika, sekolah ke universiti, kita menyemaikan pemahaman yang kuat terhadap sejarah Malaysia, pembangunan ekonomi, pembangunan teknologi dan realiti-realiti kehidupan orang-orang Malaysia, maka setiap pelajar Malaysia akan mempunyai kepercayaan-kepercayaan moral dan sosial yang kuat untuk menghadapi cabaran-cabaran milenium baru.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, keperluan akta untuk kejuruteraan genetik, 'genetic engineering'. Sejak berdekad-dekad lagi, manusia telah menggunakan kejuruteraan genetik untuk menghasilkan binatang-binatang ternakan dan pokok-pokok yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi.

Kita berkehendakkan lembu dan biri-biri yang dapat memberi daging dan susu dan bulu yang baik dan banyak. Kita menyelidik jenis padi yang sesuai, semalam kita ada sebutkan banyak jenis padi yang baik. Ini semua 'genetic engineering'. Dan lebih satu dekad ini kita berjaya untuk menyelesaikan masalah sesetengah kemandulan manusia dengan bayi tabung uji, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, test tube baby, lebih satu dekad.

Baru-baru ini, pengklonan biri-biri, 'sheep cloning', telah diumumkan di United Kingdom, kemudian berita-berita pengklonan telah tersiar dari Kanada, Eropah Barat, New Zealand dan China. Sebenarnya, klon semula jadi itu kembar-kembar belaka, klon belaka. Ini semula jadi dan yang kita tidak seronoknya klon manusia yang tidak semula jadi, yang buatan manusia. Ini ada kena-mengena dengan Kementerian Pertahanan juga.

Kerana dia hendak askar-askar yang agresif, yang pintar, yang kuat, yang sihat, mungkin Yang Berhormat Menteri hendak mencadangkan, kita adakan klon manusia seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah mengeluarkan kenyataan tentang pengklonan manusia, ini tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya segala aspek kejuruteraan genetik, kemudian kita menggubalkan akta atau akta-akta untuk menangani permasalahan kejuruteraan genetik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada panjang lagi, tetapi tidak ada orang yang hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak menolong sahajalah. Lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang yang berminat di dalam human cloning, saya mencadangkan satu buku, satu novel yang ditulis oleh seorang novelis British yang popular, Ken Follet yang telah menulis sebuah buku, 'The Third Twin' yang menceritakan kisah pengklonan manusia. Ini satu perkara yang sangat menarik, Tuan Yang di-Pertua, mungkin di dalam Perpustakaan Dewan Rakyat ada buku ini, we can collect, dan tiga saintis menubuhkan sebuah syarikat dengan klinik-klinik untuk wanita-wanita yang mandul. Matlamatnya ialah untuk mewujudkan orang-orang Amerika yang sempurna, a master race, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, konsep ini bukan baru, Adolf Hitler, Nazi pernah memperoleh impian yang seumpama ini dengan akibat yang padah. Walau bagaimanapun, syarikat di dalam novel ini mengadakan satu lembaga atau embryo daripada mani dan telur daripada lelaki dan perempuan yang agresif, yang pintar, yang tampan dan yang comel.

Kemudian embryo ini dibuntingkan di dalam rahim lapan wanita yang sebelum ini mandul, kemudian kelahiran lapan manusia klon ini dibesarkan dalam suasana yang berbeza-beza latar belakang dan pendidikan. Walaupun mereka pintar, tampan, agresif, kuat dan sihat tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, 'man proposes God disposes', dengan izin, bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada yang hendak berucap! Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak menolong sahaja.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila tutupkan ucapan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak tutupkan ucapan saya dengan petikan daripada buku ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sangat menariklah. Akhirnya lapan klon manusia ini ada yang menjadi peguam, ada yang menjadi perogol, ada yang menjadi pembunuh dan sebagainya kerana latar belakang tidak serupa dan wujudnya manusia yang tidak serupa.

Seorang Ahli: Kulitnya serupa?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengakhiri dengan petikan daripada buku ini, Ken Follet, "I don't think I want to live in this kind of world, perfect Americans"

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, orang kita pun cakap, tak ada masuk pun Belanjawan, nurse pun baliklah! Harap berhentilah!
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sila baca apa yang dikatakan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua perenggan lagi saya habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: “I don’t think I want to live in this kind of world, perfect Americans. If we are all aggressive obedient soldiers, who is going to write the poems and play the blues and go on anti-war, protest marches. Human variation has a purpose. There is a reason we are born different from both our parents, evolution is a trial-and-error business. You can’t prevent nature’s failed experiments without eliminating the successes too.”

Tuan Yang di-Pertua, pengklonan manusia memang boleh dilakukan, sama ada terdapat klon-klon manusia selain daripada klon-klon semulajadi, ialah kembar kita tidak tahu, sama ada ada klon-klon di dalam Dewan yang mulia ini setakat ini saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Mungkin yang agresif itu, klon.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu. *[Ketawa]*

4.46 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lepas ini Kota Melakalah rasanya. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyatakan sokongan saya kepada

perkara yang dibawa bagi menyatakan sokongan ke atas Bekalan Tambahan yang telah dibelanjakan yang telah dibuat oleh beberapa kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peruntukan-peruntukan yang telah dicadangkan, saya berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan haruslah dibelanjakan dengan berhemat. Kerana kita melihat kepada permasalahan-permasalahan yang berlaku di dalam beberapa agensi kerajaan yang menyatakan bahawa ada terdapat jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian di peringkat Pusat, negeri dan daerah yang kadangkala tidak menggunakan sepenuhnya peruntukan yang telah diperuntukkan kepada mereka oleh kerana kemungkinan telah lari daripada target dan sasaran yang telah diset terdahulu, dan mungkin disebabkan oleh permasalahan-permasalahan kekurangan kakitangan dan sebagainya.

Di dalam perkara ini sukalah saya menyentuh mengenai dengan kemampuan dan peranan yang harus dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi komited dengan secara sepenuhnya untuk mengisi kekosongan yang berlaku di dalam beberapa jabatan dan juga kementerian-kementerian.

Sebentar tadi kita telah mendengar tentang permasalahan yang masih berlaku di beberapa jabatan dan juga kementerian-kementerian di mana masih banyak lagi kekosongan jawatan yang tidak diisi di semua peringkat. Apa yang membimbangkan di sektor awam ini kemungkinan masalah ini akan berlarutan sehinggalah jabatan-jabatan berkenaan dapat mengatasinya dengan cara yang lebih bijaksana. Kita melihat kepada beberapa masalah yang dihadapi oleh jabatan-jabatan baik di peringkat Pusat mahupun di peringkat negeri dan juga daerah yang rata-ratanya masih tidak dapat mengisi perjawatan-perjawatan yang telah lama dikosongkan ataupun jawatan yang kosong disebabkan oleh pertukaran yang mana dijanjikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menggantikan dalam tempoh yang terdekat, tetapi masih berlarutan sehingga setahun ke dua tahun. Ini harus kita lihat dengan lebih dekat lagi supaya jabatan-jabatan yang diamanahkan untuk melaksanakan dasar dan juga strategi kerajaan dapat menjalankan peranan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan juga harus diambil kira, masalah-masalah yang boleh mengganggu konsentrasi mereka kepada jawatan-jawatan ataupun tugas yang telah diamanahkan. Kita ingin melihat bahawa minat dan juga hasrat inginkan suasana yang lebih ceria di kalangan kakitangan kerajaan. Mungkin permasalahan-permasalahan terlalu lama bertugas di sesuatu tempat, mungkin juga permasalahan-permasalahan gangguan daripada masalah kekeluargaan di kampung dan sebagainya, mungkin juga permasalahan kemampuan untuk tinggal di suatu kawasan yang telah mereka ditetapkan pertukaran tempat mereka, jadi semua ini haruslah diambil kira supaya minat dan hasrat kakitangan kerajaan ini akan dapat diatasi dengan secara yang sebaik mungkin. Kemungkinan Jabatan Perkhidmatan Awam boleh memperluaskan lagi semakan ataupun kajian ini.

Saya rasa pihak MAMPU haruslah menjalankan tanggungjawabnya bagi melihat perkara-perkara yang sedemikian supaya masalah kebajikan kakitangan, masalah beban kerja, permasalahan-permasalahan semasa yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan dapat diatasi. Kita berharap dengan adanya kemampuan yang ada di Jabatan Perkhidmatan Awam, di MAMPU dan sebagainya akan dapat mengatasi permasalahan-permasalahan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh kepada soal peranan jabatan yang berkaitan dengan orang ramai. JPJ umpamanya ini adalah merupakan satu jabatan yang begitu penting bagi memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Jabatan Pengangkutan Jalan adalah merupakan jabatan yang saya kira memberikan peranan kepada pendapatan negara yang begitu banyak. Kalau tidak silap ketiga selepas Income Tax dan juga Kastam yang terdahulunya. Contohnya, dalam tahun 1996 JPJ telah berjaya mengutip lebih daripada RM2.25 bilion hasil daripada kutipan hasil disebabkan pembayaran-pembayaran yang pelbagai dan juga saman-saman yang dikeluarkan oleh jabatan berkenaan.

Perkara yang berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ini (JPJ) ialah masih menghadapi kekurangan kakitangan. Kalau kita melihat lebih 30 daripada Jabatan Tititimbang

yang telah dibina melalui peruntukan World Bank yang diserahkan kepada pihak JKR kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, masih tidak boleh berfungsi sepenuhnya secara 24 jam. Ini merupakan suatu pembaziran yang harus kita perlihat dengan secara serius supaya perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit itu akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kita berharap Jabatan Pengangkutan Jalan tidak akan serik untuk mendapatkan perbekalan kakitangan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya difahamkan masih banyak lagi kekosongan yang tidak diisi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di peringkat pegawai penguatkuasaan 3P ataupun 2P, PPJ ataupun PPPJ yang mana mereka ini adalah merupakan kekuatan yang menjadi tonggak kepada JPJ yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang untuk mengesan permasalahan-permasalahan yang berlaku di kalangan pengguna jalan raya, untuk mengesan masalah-masalah yang berlaku di kalangan kenderaan-kenderaan yang membawa muatan lebih. Seharusnya mereka ini haruslah diberikan tumpuan yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan. Dengan tidak bolehnya beroperasi mesin timbangan untuk mengesan muatan lebih di kalangan kenderaan-kenderaan ini, kita akan mengalami kerugian yang amat sangat. Jadi, saya mohon supaya pihak JPA dan juga JPJ sendiri melalui kementerian akan dapat melihat keperluan-keperluan yang telah ditentukan supaya JPJ dapat lebih berfungsi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kenaikan pangkat kakitangan. Saya difahamkan temuduga telah pun berjalan mengenai kenaikan pangkat di kalangan pegawai-pegawai 3P di JPJ. Saya berharaplah dengan pengalaman yang ada di kalangan pegawai berkenaan maka mereka boleh memenuhi kriteria yang telah ditentukan. Apa yang menjadi permasalahan ialah beban tugas yang sepatutnya dibuat oleh pegawai-pegawai berkenaan, setakat ini mereka hanya menanggung kerja-kerja yang tidak sepatutnya diisi oleh mereka dan seharusnya diisi oleh kakitangan yang begitu layak, yang sebenar-benar layak dan yang boleh diperakukan kenaikan pangkat mereka.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk tidak membenarkan pemegang lesen belajar memandu, Probationary Driving Licence (PDL), dengan izin, untuk tidak boleh membawa motosikal mereka ke jalan raya. Perkara ini walaupun saya telah sentuh di masa yang lalu, saya berharap Jabatan Pengangkutan Jalan akan dapat mempertimbangkan semula cadangan ini supaya pengguna-pengguna jalan raya yang memiliki lesen 'L' ini akan dapat menikmati kemudahan yang diperuntukkan sebagaimana yang digariskan oleh peraturan-peraturan pemegang lesen 'L'. Kita berharap dengan akta yang ada, dengan peraturan yang ada sudah cukup untuk mengambil tindakan kepada pemegang lesen PDL ini yang menyalahi peraturan-peraturan yang sepatutnya. Umpama tidak menggantung 'L' ataupun menaiki motosikal berdua ataupun lain-lain kesalahan-kesalahan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pemegang lesen 'L' ini.

Jadi, kalaulah mereka ini dibebankan pula dengan permasalahan tidak boleh membawa dan menggunakan kenderaan mereka di jalan raya dengan alasan mereka kurang competence dan sebagainya, ini adalah merupakan satu bebanan kepada mereka. Kita harus faham, pengguna-pengguna dan pemilik-pemilik PDL ini di kampung-kampung adalah merupakan orang-orang kampung yang susah yang menggunakan motosikal ini untuk mencari rezeki. Mereka menoreh getah, mereka ke ladang, ke sawah dan sebagainya menggunakan kenderaan ini untuk mengangkut hasil-hasil mereka. Kalaulah mereka ini tidak boleh dan tidak dibenarkan menggunakan jalan raya, saya akan dapat membayangkan betapa susahnyanya mereka untuk mencari rezeki dan sebagainya. Lebih jauh daripada itu mereka ini telah membayar RM20.00 bagi tempoh tiga bulan kepada kerajaan. Apakah masalah mahu melindungi mereka ini mejadi alasan untuk mereka tidak boleh dan tidak dibenarkan menggunakan jalan raya yang milik awam. Mereka membayar road tax, mereka membayar lesen sebanyak RM20.00 tiga bulan. Apakah masalah-masalah untuk melindungi mereka ini menjadi satu alasan bagi JPJ menyatakan alasan supaya tidak boleh pengguna-pengguna dan pemegang-pemegang lesen L ini menggunakan jalan raya.

Kita berharap dan kita berpendapat bahawa dalam kebenaran yang sedia ada, sebagaimana yang ada sekarang pengguna-pengguna jalan raya memiliki lesen 'L' ini tidak menimbulkan masalah. Yang kita hendak mengatasi masalah yang berlaku ialah pengguna jalan raya yang membawa motosikal ataupun mesin mereka yang tidak berlesen. Ini yang harus kita tumpukan. Jadi, saya ingin bertanya kalau pun peraturan ini hendak digunakan dan dikenakan, saya ingin bertanya berapa peratuskah kemalangan yang berlaku di kalangan pengguna-pengguna yang dikategorikan menggunakan motosikal di kalangan mereka yang mempunyai lesen 'L' ataupun berapa peratuskah yang terlibat, yang langsung tidak mempunyai lesen? Ini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak yang berkenaan dan kalau boleh kita pertimbangkan semula, kita kaji semula cadangan yang telah dicadangkan oleh pihak JPJ ini. Kerana saya tidak nampak rasionalnya yang boleh membantu ke arah menguatkuasakan peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang kurikulum lesen memandu yang sedia ada. Boleh lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Dua minit, saya akan menggulung. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sarankan dahulu, kita berharaplah kaedah dan cara pembelajaran kepada bakal-bakal pemandu ini dapat dikaji dan dipertingkatkan. Apa yang berlaku sekarang ini yang pertamanya ialah kadar belajar memandu kepada bakal-bakal pemandu ini tidak selaras. Ada di antara bayaran-bayaran yang dikenakan bagi kelas motosikal, kelas kereta dan kelas lori dan kenderaan berat berbeza-beza di kalangan satu stesen JPJ ke satu stesen yang lain. Ini menimbulkan permasalahan supaya mereka ini akan dapat mencari jalan yang pendek bagi mendapatkan lesen.

Sekiranya kementerian boleh mempertimbangkan supaya mengkaji semula kadar harga belajar kepada semua jenis lesen memandu ini supaya semua negeri akan menggunakan harga yang standard untuk mereka yang berkenaan mendapatkan lesen. Oleh kerana kadar di Kuala Lumpur berbeza dengan di Selangor, berbeza dengan Johor, berbeza dengan Pahang, maka

tentunya masalah-masalah untuk mendapatkan lesen cara mudah berlaku di mana-mana. Saya bimbang dengan sistem yang semakin lama semakin ketat, makin lama semakin payah, kita akan menghadapi permasalahan pengeluaran lesen-lesen memandu palsu sebagaimana yang berlaku beberapa tahun yang lalu di JPJ ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pandangan-pandangan sedemikian, akan dapat diteliti dengan sepenuhnya dan berharap sedikit-sebanyak sumbangan pemikiran ini akan dapat membantu ke arah kebaikan dan kelicinan perjalanan jabatan, kementerian dan sebagainya. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpat.

5.00 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk ikut berucap dalam membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan Tambahan.

Saya tidak sangka ucapan saya dalam sidang yang lepas telah mendapat perhatian daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong di mana sebenarnya di dalam ucapan saya yang lepas bukanlah saya - tidak ada niat yang negatif atau yang tidak baik terhadap Kepong atau kaum-kaum lain dalam negara ini. Cuma seingat saya dan saya rasa Kepong boleh semak kembali *Hansard* di mana pada waktu itu saya hanya bertanya beliau tahun berapakah datuk nenek mereka datang ke negara ini? Cuma sekadar itu, bukan lebih daripada itu, tidak!

Tuan Yang di-Pertua: Sepatutnya Yang Berhormat tadi semasa dia berucap bangunlah membetulkan ucapannya itu. Sila, sila teruskan yang lain, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih....

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak masuk dalam agenda itu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, satu pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menarik perhatian saya sejak tadi ialah masalah bayi tabung uji dan klon atau mani. Dalam dunia barat memang berlaku hal yang demikian itu dan juga sebagaimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi bahawa beliau berkeinginan dan berhasrat dan menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan sama ada oleh kerajaan ataupun badan-badan swasta ke arah mewujudkan masyarakat yang harmonis, masyarakat yang orang kata yang baik dalam negara kita ini.

Dalam prinsip agama Islam, bagi mewujudkan masyarakat yang baik itu ialah kerana masyarakat itu lahir berpunca daripada wujudnya manusia-manusia individu, maka hasil daripada itulah wujudnya satu masyarakat.

Lantaran itulah dalam Islam itu ada yang dinamakan hukum hudud. Salah satu daripada hukum hudud ini ialah melarang dengan sekeras-kerasnya perlakuan perzinaan. Ini bukan apa-apa, selain daripada untuk menjaga supaya penyakit yang bukan-bukan sebagaimana yang kita tahu sekarang, AIDS, siplis dan sebagainya. Tetapi, yang terbesarnya ialah untuk menjaga keturunan itu sendiri supaya keturunan itu terjaga dan terpelihara, tidak menjadi macam bubur kacang - bercampur gaul. Sebagaimana yang kita tahu di Barat sekarang ini walaupun seorang itu dilahir boleh dibayar. Jika seorang yang tidak mempunyai anak dan mahukan anak, dia boleh membayar, mengambil klon dia dan letakkan di dalam rahim seorang perempuan dengan bayaran-bayaran tertentu. Nanti, setelah perempuan itu melahirkan anak diambil anak itu dan dijadikan anaknya.

Saya nampak bahawa kecenderungan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong seolah-olah beliau mahu supaya kerajaan kita mengkaji. Bagi pandangan saya, berprinsipkan kepada ajaran Islam dan bersesuaian dengan Islam agama negara, saya rasa masalah yang itu perlulah dibendung dan disekat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nanti habis masa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat kita ini. Tetapi, saya hendak tanya satu sahaja. Buat kerja baik-baik inilah. Apakah pihak parti Yang Berhormat sendiri, bolehkah Yang Berhormat tunjuk apakah kerja yang baik-baik Yang Berhormat buat selain daripada - apa yang saya dok tahu ini - dok mengata sahaja kat orang. Jadi, mengumpat dan mengatakan ini salah satu dosa yang besar juga. Jadi, boleh Yang Berhormat terang hak yang baik-baiklah buat. Yang Berhormat sendiri pun kalau naik atas pentas bersyarah, mula dengan hadis tutup dengan hadis, tang tengah dok boh! Jadi, boleh Yang Berhormat tunjuk satu yang baiklah yang PAS buat? *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bagi pandangan PAS, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang paling baik di atas dunia ini kecuali memperjuangkan Islam sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran. Saya hendak baca, Tuan Yang di-Pertua. *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud: "Walaupun kamu dalam keadaan susah ataupun kamu dalam keadaan senang (ini kata Tuhan) hendaklah kamu berjuang di jalan Allah dengan mengorbankan harta benda kamu dan jiwa raga kamu, itu adalah lebih baik bagimu sekiranya kamu mengetahui". Okay, Yan dengarkah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pula.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu satu jawapan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya dengar Tuan Yang di-Pertua, cuma penjelasan sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan yang kedua.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay, okay.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apa yang baik yang telah dilakukan oleh PAS? Itulah yang baiknya. Yang kedua yang baik yang dilakukan oleh PAS iaitu [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] Tidak macam Barisan Nasional, makruf pun dia buat, mungkar pun dia buat. Ertinya dari segi komposisi, dari segi perbandingan, Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini lebih baik PAS sebab PAS ini hendak buat itu dia tengok dan kaji, tengok Al-Quran dahulu, tengok hadis dahulu, ijmak ulama dahulu, qias dahulu. Dia tidak tanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri sahaja, selain daripada itu dia kena tengok kitab juga. Misalnya, pandangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertentangan dengan kitab Al-Quran dan sunnah, yang itulah! Jadi, ini yang baik.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:yang dilakukan oleh kita. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang ketiga, okay.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia kata PAS ini tidak ada kerja lain, kerja maki. Saya pun tidak faham, dalam Islam ini boleh kita maki kepada orang, boleh kita mengumpat kepada orang. Tetapi, dalam beberapa hal, sebagai contohnya dalam ayat Al-Quran - saya bukan berkhotbah ini - Tuhan sebut *Tabbat Yada* ini ayat yang disebut, nama orang *Tabbat Yada Abilahab*, sebut nama Abu Lahab. Kenapa sebut? Kalau kita tidak sebut nanti orang ikut Abu Lahab. Misal di sana ada harimau, saya mesti katalah, "sana ada harimau", kalau saya tidak sebut di sana ada harimau, nanti orang pergi di makan oleh harimau. Begitu juga apa yang dilakukan, apa yang ada dalam masyarakat ini, yang wujud dalam masyarakat sekarang ini yang kita bantai ini, kalau Yang Berhormat dari Yan bercakap yang baik saya tidak bantai. Tetapi, kalau cakap yang tidak baik, mestilah saya katakan itu tidak baik, bukan saya maki apa! Saya rasa cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak bercadang membawakan fakta-fakta terbaru dalam Dewan ini mengenai keruntuhan moral remaja kini. Ini kerana angka-angka itu sentiasa bertambah dan bertambah setiap hari menunjukkan betapa sudah tidak terkawalnyanya keadaan. Saya petik sebuah rencana dalam akhbar *Present International Canada* keluaran bulan September yang lalu yang bertajuk "*Malaysia - Model Negara Islam Tanpa Islam*". Ia menyebutkan bahawa bahan lucah, video, seks bebas, gadis mengandung, buang bayi dan lain-lain telah diterima oleh orang Malaysia sebagai normal ketika mereka mengejar untuk menuju negara industri. Selama ini berpuluh juta atau mungkin beratus juta ringgit telah dibelanjakan untuk memerangi dadah, gejala bohsia, lepak, bersekedudukan dan pelbagai lagi majoritinya melibatkan muda-mudi Melayu. Belum lagi kes-kes rogol, samseng, peras ugut pelajar, buang anak dan lain-lain yang naik menjulang. Penguatkuasaan undang-undang seperti polis, kastam, imigresen, penguatkuasaan

Bandaraya, Majlis Perbandaran dan pelbagai lagi telah bertungkus lumus untuk memadamkan api kemungkaran yang marak menyala ini.

Untuk ini PAS dengan penuh pengertian amat menghargai usaha mereka ini. Namun, oleh kerana masalah keruntuhan moral masyarakat ini begitu gawat sekali dan sudah diisytiharkan suasana darurat, terbuktilah bahawa undang-undang dan penyalahgunaan kuasa walaupun masih diperlukan belum memadai. Malah, ia bukan senjata yang cukup ampuh untuk menangani gejala sosial ini. Pelbagai pihak membuat kenyataan untuk turun padang bagi menyelesaikan masalah sosial remaja ini termasuklah Ketua Wanita UMNO - tidak ada di sini - semuanya menunjukkan keseriusan tetapi apa yang tergambar ialah masing-masing kehilangan punca, tidak tahu apa yang hendak dilakukan, termasuklah Ketua Pemuda UMNO yang tidak ada dalam Dewan ini juga. Beliau seolah-olah kehilangan punca sekarang. Apa yang dia hendak cakap, dia nanti tengok bosnya dulu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau bos itu agak - ha, itulah cakap dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ini Yan bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Oh, Yan, sila Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam ini disuruh kita cakap yang baik-baik. Ini, kalau kita dok kata kawan nu tidak buat, kawan ni tak buat, yang kita dok bercakap ini buat apa? Jadi, Yang Berhormat ini hanya dok tunjuk jari kat orang sahaja. Yang Berhormat tahu tak, tiga anak jari itu dok tunjuk balik kepada Yang Berhormat. Merepek sahaja tidak tentu fasal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masa dia pun terbuang ini, orang lain hendak bercakap juga. Dia dok celaru, Tuan Yang di-Pertua. Dia salah wanita nu, dia salah Ketua Pemuda, Ketua Wanita, hak Kelantan ini buat apa? Rate gejala sosial Kelantan tinggi, tidak percaya pergi check tengok, GRO, kebanyakan itu dialah - perempuan Kelantan - bukanlah yang dok ada, yang kena tangkap baru-baru ini. Perbetul dahulu negeri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Ketua Polis Negeri Kelantan, Kelantan paling kecil dari segi jenayahnya. Masalah kenapa....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, kecil fasal mereka lari pergi Golok. Dia tidak buat belah sini, tu yang depa kena tangkap itu. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dia tanya saya buat apa, buat apa. Saya bukan menteri, cuba beri saya jadi menteri, insya-Alah saya buat, insya-Allah. *[Ketawa]*

Apabila Kerajaan PAS Kelantan menutup semua premis hiburan dan judi tidak lama dulu, ramai tokoh-tokoh pemimpin Kerajaan Pusat mengejek termasuk Yan, mencemuh dan pelbagai lagi. Menganggapnya sebagai perkara

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik, saya tidak pernah mengejek orang yang buat kerja baik-baik, Tuan Yang di-Pertua. Tidak pernah, saya minta tarik balik ini...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ha, baguslah itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau tidak sakit balik, malulah, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak khabar awal-awal ini, minta tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, ini orang bagus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Habis dah masa. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Buat akhirnya, saya hendak ambil yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, hairan juga mengikuti kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga wakil dari Sik, Kedah yang menyatakan bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan telah bermesyuarat dan telah meluluskan untuk siaran lagu kontroversi KRU yang memuatkan suara P.Ramlee berduet dengan penyanyi KRU di mana sebelum pada ini Mufti Perak dan Imam Besar Masjid Negara telah menyifatkan sebagai haram perbuatan merakamkan lagu tersebut, apa lagi untuk disiarkan. Bagaimana Yang Berhormat dari Sik boleh membuat kenyataan sedemikian sedangkan menurut Mufti Perak sendiri yang juga salah seorang ahli Majlis Fatwa Kebangsaan tidak ada sebarang mesyuarat Majlis Fatwa sejak akhir-akhir ini.

Mufti Perak juga dikatakan menghubungi seorang lagi ahli Majlis Fatwa dan memberitahu bahawa ahli itu juga tidak menerima sebarang notis mesyuarat Majlis Fatwa. Jadi, bagaimana Majlis Fatwa Kebangsaan dikatakan telah meluluskan lagu tersebut di dalam mesyuaratnya seperti yang didakwa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Gelang Patah.

5.16 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan Tahun 1997. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang perkara penswastan pengurusan bahan sampah sarap di seluruh negara.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan empat konsortium telah dikenal pasti untuk mengambil alih tugas pengurusan bahan buangan pepejal di empat kawasan yang telah ditentukan oleh kerajaan. Pengurusan bahan buangan ini adalah penting dan ia memberi kesan kepada setiap rakyat Malaysia. Sekiranya ia tidak diurus dengan sempurna, berkesan dan dapat diterima oleh kebanyakan penduduk Malaysia, ia akan mengakibatkan kesan politik dan sosial yang mendalam kepada negara kita. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi sedikit pendapat dan cadangan kepada pihak kerajaan supaya isu-isu berikut, di samping yang lain, diberi perhatian serius oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diberi tugas membentuk struktur undang-undang, isi kandungan perjanjian pemilihan teknologi, struktur dan cara pembayaran dan semua keputusan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperti penswastaaan yang lain, kita mesti memastikan bayaran yang dikenakan kepada rakyat adalah dalam kemampuan rakyat terutamanya golongan yang miskin, ini adalah penting untuk menjayakan projek ini kerana jika kebanyakan rakyat tidak mampu atau enggan membayar maka projek ini akan gagal. Dalam konteks ini juga kebiasaannya ada pihak yang akan mencadangkan supaya industrial atau komersial untuk membayar lebih demi mensubsidikan penduduk awam. Ini nampaknya cara yang betul, tetapi sudah pasti industri ini akan mengalihkan beban ini kepada pengguna dan ini akan mengakibatkan inflasi kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diketahui umum bahawa bayaran cukai pintu sekarang kepada kerajaan tempatan merangkumi bayaran untuk pengurusan sampah sarap ataupun sekurang-kurangnya pungutan sampah sarap dari rumah. Sekiranya selepas penswastaaan, bayaran tambahan dikenakan secara berasingan untuk perkhidmatan pengurusan sampah sarap dan cukai pintu pula tidak dikurangkan, maka kebanyakan

pengguna akan merasa tertipu untuk membayar dua kali dan berkemungkinan besar tidak akan puas hati dan enggan membayar. Oleh itu, satu langkah perlu diambil dan dengan kerjasama kerajaan persekutuan dan kerajaan tempatan untuk mencapai satu keputusan tentang pengurangan cukai pintu. Sekiranya bayaran berasingan ingin diadakan untuk pengurusan sampah sarap ini, satu cadangan di sini, adakah pihak kerajaan tempatan menerima cukai pintu seperti biasa termasuk bayaran untuk pengurusan sampah sarap seperti dahulu dan kemudian membayar konsortium berkenaan bahagian mereka untuk pengurusan sampah sarap. Ini akan memudahkan pihak pengguna kerana mengurangkan kaunter-kaunter pembayaran dan menjimatkan masa. Untuk pihak konsortium, mereka dapat mengurangkan bilangan pekerja yang diperlukan untuk mengutip bayaran ini dan kadar pengutipan yang lebih tinggi tidak seperti IWK dahulu yang cuma dapat mengutip kurang dari separuh.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menswastakan pengurusan sampah ini kepada empat konsortium dan kita semua tahu sebelum ini banyak kerajaan tempatan telah mengkontrakkan pengutipan sampah sarap kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan biasanya sampah sarap kilang-kilang dan bangunan komersial besar diangkut oleh kontraktor-kontraktor swasta. Sekarang kontraktor dan pekerja mereka merasa bimbang terhadap masa depan mereka kerana tidak tahu sama ada mereka akan diberi tempat dalam industri pengurusan sampah sarap selepas penswastakan dilakukan. Mereka bukan sahaja perlu tahu peranan mereka pada masa jangka pendek tetapi pada jangka masa yang panjang. Kita tidak ingin lihat kontraktor-kontraktor ini gulung tikar kerana setelah kontrak mereka tamat. Konsortium yang berjaya mendapat penswastakan ini menyingkirkan mereka dengan alasan-alasan yang mudah. Kita perlu memastikan industri ini tidak dimonopolikan oleh beberapa syarikat sahaja. Kita tidak boleh menswastakan

perniagaan yang selama ini dijalankan oleh swasta seperti pengutipan sampah sarap untuk kilang-kilang.

Satu lagi faktor yang penting di sini ialah kontraktor-kontraktor swasta ini perlu diberi 'equal access right', dengan izin, atau hak pengguna yang sama untuk tapak-tapak pelupusan sampah sarap yang akan diswastakan. Dengan cara ini satu pasaran terbuka secara bertanding dapat diwujudkan untuk perkhidmatan pengurusan sampah sarap bagi perindustrian dan komersial.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sampah kita terdapat bahagian-bahagian yang dapat dikitar semula. Pada masa ini tidak ada satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan diambil untuk mengitar semula sampah sarap di Malaysia secara industri dan besar-besaran. Ini mengakibatkan banyak sampah sarap tidak dikitar semula dan mengisi ruang dalam tapak pelupusan yang semakin terhad. Dengan mengitar semula, penggunaan sumber-sumber asli dapat dikurangkan seperti kayu untuk membuat kertas, petroleum untuk plastik dan logam-logam dengan kitar semula, bukan sahaja dapat membantu alam sekitar malah pada jangka panjang dapat membantu kita untuk menggunakan sumber asli kita dengan lebih berkesan dan memantapkan kemampuan persaingan industri Malaysia di antarabangsa secara keseluruhannya.

Untuk memastikan konsep kitar semula ini tidak tinggal di mulut sahaja, kerajaan atau kementerian berkenaan perlu menetapkan satu target yang jelas seperti dalam jangka masa tertentu, berapa peratus kitar semula sampah sarap perlu dicapai. Target atau matlamat ini perlu dimonitor atau diperhatikan supaya ia dipatuhi. Cuma dengan cara ini, konsortium-konsortium akan merancang pelaburan mereka untuk mencapai target yang kerajaan ingini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perbincangan telah diadakan berkenaan dengan 'incineration' ini dan hasrat kerajaan menggunakan sistem incineration untuk melupuskan sampah sarap. Di antara sebab yang diberi ialah cara land fill, dengan izin tidak berkesan dan mengakibatkan pencemaran, tiada tanah dan incineration ini cara yang paling moden dan lain-lain. Sebenarnya land fill dengan cara moden dan pengurusan yang berkesan belum diberi peluang di Malaysia. Kebanyakan masalah timbul bagi land fill ini adalah masalah pengurusan, bukan masalah method. Untuk incineration, masalah yang paling besar adalah kosnya, sebagai contoh, jiran kita Singapura telah membelanjakan S\$1 billion untuk satu incineration. Incinerator 3,000 tan satu hari. Jika sistem ini digunakan di Malaysia dan dibiayai secara komersial, untuk setiap tan cuma kos pembiayaannya, tidak kira kos operasinya, adalah lebih daripada RM150 dan setiap rumahtangga menghasilkan lebih daripada satu tan setiap tahun di Malaysia. Pada masa yang sama, jika semua sampah sarap dibakar maka ia tidak dapat dikitar semula. Sekiranya incineration digunakan, masalah pencemaran udara perlu diberi perhatian, oleh itu sebelum keputusan untuk menggunakan incineration, kajian terperinci perlu dijalankan terutama kosnya.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pengurusan sampah sarap adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri dan di dalam penswastaan yang dicadangkan ini kerajaan persekutuan dicadangkan mengambil alih bidang kuasa ini daripada kerajaan negeri. Kajian terperinci perlu diberi untuk pertukaran ini, antaranya penggunaan tanah untuk tujuan pengurusan sampah sarap. Kontrak yang telah diberi, pengangkutan sampah dari satu negeri kepada negeri yang lain, peruntukan serta implikasi-implikasi yang lain ini adalah penting untuk mengurangkan kekeliruan dan masalah pada masa depan. Bidang kuasa yang baru perlu disenaraikan dengan jelas untuk mengurangkan kawasan kelabu (grey area).

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap isu-isu yang berkenaan dengan penswastaaan bahan pepejal atau sampah sarap yang dibincangkan di atas dapat diberi perhatian dan pertimbangan oleh pihak kerajaan serta setiap Ahli-ahli Yang Berhormat di sini supaya satu sistem pengurusan sampah sarap yang berkesan, menyeluruh, tidak mencemarkan alam sekitar dan dapat diterima oleh semua rakyat dapat diwujudkan dan tidak akan mendatangkan beban kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bawa di sini ialah terdapat banyak pihak berkuasa tempatan yang sedang mengadakan penswastaaan tempat letak kereta dan ini mendatangkan banyak aduan daripada penduduk-penduduk tempatan terutama di taman-taman perumahan yang mana selama ini memang tidak dipungut kerana meletak kereta tetapi baru-baru ini, terutama di kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah yang mana telah mengadakan penswastaaan tempat letak kereta dan bayaran permulaan untuk jam pertama adalah 70 sen iaitu paling tinggi jika berbanding dengan di Johor Bahru cuma 40 sen satu jam. Dan saya harap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat menyasiat perkara ini supaya ambil tindakan yang sewajarnya untuk menamatkan atau mengarahkan pihak berkuasa tempatan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah berhenti daripada atau timbang semula tentang cara penswastaaan tempat letak kereta yang sudah diamalkan baru-baru ini, mulai lhb. April.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan Tahun 1997 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

5.30 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit dari segi pembelaan guru-guru agama ini. Saya mengucapkan tahniah

dan syabas kepada Kementerian Pendidikan yang telah membela nasib guru-guru dengan mempertingkatkan gaji dan kemudahan. Walaupun masih banyak ruang lagi, tetapi ternyata kita lihat guru-guru agama ini kadang-kadang mengharapkan sedikit-sebanyak sedekah dan zakat.

Baru-baru ini disiarkan dalam akhbar dan berita mengatakan “guru-guru agama di negeri Selangor tidak diberi gaji dan sebagainya”. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila perkara ini berlaku ‘lekeh’ sangatlah orang melihat kita ini sebagai sebuah negara Islam, tetapi kita tidak dapat membela mereka. Nyata sekali bahawa dengan kekuatan pendidikan Islam ini, maka masalah gejala-gejala sosial ini semua dapat kita selesai - insya-Allah, kerana ini adalah pendinding yang paling kuat, yang dapat mempertahankan seseorang itu daripada terjebak ke dalam ruang-ruang yang tidak elok. Malah semua agama pun menyarankan bahawa kita manusia ini kena buat benda yang baik-baik.

Saya mengharapkan masalah ini akan diambilalih oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan gaji guru-guru agama ini sama ada guru ‘takmir’ atau sebagainya supaya mereka ini mendapat ganjaran dan juga bayaran yang lumayan. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, orang-orang ini dia hendak meminta gaji pun mereka takut tak dapat pahala, fasal membuat kerja secara sukarela. Mereka mengajar ilmu Tuhan, ini bukan maknanya kita tidak bayar gaji langsung, jadi mereka hendak hidup macam mana? Mereka perlu juga duit minyak motor, ke hulu ke hilir. Mereka perlu juga rumah, anak isteri di rumah perlu juga makan. Jadi, kalau mereka ini tidak diberi satu penghormatan yang baik, saya bimbang satu hari nanti kita akan kepupusan guru-guru agama dan ini akan menambahkan lagi masalah gejala sosial. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kebanyakan gaji-gaji mereka ini dibayar oleh kerajaan negeri. Oleh itu, saya

mencadangkan peruntukan khas diberi kepada Jabatan Perdana Menteri supaya gaji-gaji mereka ini diselaraskan seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial ini timbul macam-macam. Misalnya masalah poligami - bukan masalah poligami orang perempuan bila kita tanya dia tidak marah, tanyalah. Tetapi yang mereka marah hari ini sebab kalau suami dia pergi bernikah, dia tidak jaga isteri yang pertama - dia tidak jaga. Kalau dia bernikah isteri yang pertama 25 tahun, dia kata hendak adil, dia nikah isteri muda, dia kena cover 25 tahun pula dengan isteri mudanya barulah balance balik. Jadi, dia ini tidak faham. Kemudian dia tinggalkan anak isteri, Tuan Yang di-Pertua, isteri menuntut dia di Mahkamah Syariah, hendak mendapat sesuatu keputusan, isteri muda yang menjadi ibu tunggal ini pun sudah 'ranum'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kangar bangun.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan Yang Berhormat dari Yan. Kadang-kadang dalam kes poligami ini, si isteri marah kerana silap lelaki juga, kerana selalunya bila kahwin satu lagi disebut isteri tua dan isteri muda. Tidak bolehkah kalau kita ubah isteri I dan isteri II, macam timbalan, timbalan I dan timbalan II. Jadi barangkali boleh meredakan keadaan. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beranilah usik. Orang yang biasa mengalami dia boleh. Sebab saya tidak biasa mengalami, jadi saya tidak boleh. Tetapi yang sepatutnya 'isteri-isteri' - itu yang baik kalau dari segi keadilan - 'isteri-isteri'.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul seperti yang kita tengok misalnya 'ibu tunggal' ini merana dengan anak, tidak ada pendapatan dan terpaksa pergi kerja. Seperti yang disiarkan dalam suratkhbar baru-baru ini hampir hendak Hari Raya, tidak ada pakaian hendak dipakai, gaji cukup hanya hendak makan nasi dengan garam sahaja. Ini bukannya salah, yang kata tidak boleh kahwin dua, tiga, empat, sebenarnya salah dari segi pentadbirannya, lambat kes itu dan ini. Bila terjadi perkara macam itu orang menunjuklah yang kahwin, dua, tiga, empat tidak elok. Setengahnya tidak boleh, tetapi gagah juga hendak pergi. Macam kereta 3 silinder buat apa hendak pergi deras-deras, pergilah cara tiga silinder, kalau 4 silinder ataupun yang 8 silinder tidak apalah, dia boleh lari dua-tiga. Kadang-kadang cakap berani, tetapi tidak mampu. Ini pun masalah juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta dari segi pentadbiran Mahkamah-mahkamah Syariah ini semua, tarik semua diletakkan di bawah Persekutuan (Federal). Kadang-kadang sesuatu kes, Hakim Mahkamah Syariah itu dia kena pergi sampai 2-3 mahkamah. Jadi, dia tidak boleh bersidang mengikut jadual. Kemudian kakitangan tidak cukup. Kadang-kadang kena pinjam Mahkamah Majistret untuk membicarakan kes Mahkamah Syariah ini. Ini juga menimbulkan masalah, Tuan Yang di-Pertua. Bagi kita yang tidak mengalami masalah, kita ingat tidak apa, tetapi yang menanggung penderitaan ini sehari itu bermakna bagi dia, seperti orang kata 'penantian satu penyiksaan'. Itulah maksud 'penantian itu satu penyiksaan' menunggu benda yang tidak luruh. Jadi, saya minta kalau boleh perkara-perkara macam ini, sudah banyak kali dipercakapkan, selesaikanlah bukannya susah sangat. Kalau ada yang tidak cukup, kita quote yang lain sedikit dan perbetulkan yang ini dahulu. Jadi, apabila ibu bapa rumahtangga bercelaru, anak pun haru-biru. Bila anak haru-biru dia pergi jadi macam-macam, gejala itu, gejala ini. Oleh itu, kalau kita perkukuhkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat

insya-Allah kita akan dapat selesaikan masalah-masalah ini. Jadi, saya mintalah gaji-gaji guru itu tolong tengok sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan merakamkan syabas kepada Datuk Noordin, Ketua Pengarah Bandaraya - dia berani. Orang macam ini berani, tetapi sampai orang buat bakar kereta dan sebagainya - tidak apa, kerana dia tegas dan berani, dia tutup benda-benda maksiat, tempat yang tidak patut dibuka - dibuka, dia buat. Kita mahukan pegawai-pegawai kerajaan yang macam ini, dia membuat kerja dengan bertanggungjawab, beramanah, dia buat dengan betul. Dia jadi 'hero' tidak apa - bagus. Jadi, kita Ahli-ahli Parlimen termasuk PAS dan DAP semua kena sokong, ini adalah satu tindakan yang baik, yang dibuatnya. *[Tepuk]* Terima kasih kerana tepuk. *[Ketawa]*

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya mendapat pandangan Yang Berhormat sama ada betul atau tidak kalau DBKL mengumumkan nama atau polis mengumumkan nama pemimpin Ketua Pemuda UMNO yang suka masuk ke pusat hiburan ini, kerana kalau kita percaya dengan 'Kepimpinan Melalui Teladan', saya rasa itu bukanlah satu teladan yang baik. Apakah sebabnya nama mereka tidak disiarkan seperti mereka yang hutang dengan MARA?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam, kalau dia berbuat baik, di akhirat akan diterima baik, kalau dia buat jahat di akhirat dia terima jahat. Perkara ini Yang Berhormat dari Tumpat pun bersetuju dengan saya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Mengangguk kepala]*
[Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kalau kita membeli durian pun, kita beli seraga bukan semua durian itu baik. Ada yang mengkal dan yang ditebuk ulat, ada yang ditebuk tupai. Jadi, kalau semua hendak baik, kita ini bukan malaikat - Kota Melaka tahukah apa malaikat? Jadi, kita bukan malaikat.

Seorang Ahli: Angellah!

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun.

Seorang Ahli: Malaikat 'angellah'.

Tuan Lim Guan Eng: Nama! Nama! Siarkan nama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, Tuhan nampak. Bila manusia buat tidak elok Tuhan nampak, walaupun makhluk tidak nampak, tetapi Tuhan nampak, biar dia dengan Tuhan. Oleh itu, DAP ini jangan kacau hal ini. Biar tanggungjawab dia dengan Tuhan.

Tuan Lim Guan Eng: Nama apa? Tidak mahu siarkan nama, takut siarkan nama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dan dalam Islam Tuan Yang di-Pertua, dia tidak Islam sebab itu saya tidak berani khabar. Fasal dalam Islam mengatakan kalau kita menjatuh maruh orang di hadapan khalayak ramai, Tuhan akan menjatuhkan maruah

kita, yang itu saya takut. Saya berani khabar, tetapi saya takut, sebab ajaran Islam kata macam itu. Tidakkah begitu Tumpat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Mengangguk kepala]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha! Dia sokong itu. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Siarkan nama.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menekankan di sini iaitu saya kelmarin mencadangkan supaya kanak-kanak umur di bawah 18 tahun jangan dibenarkan masuk, bukan sahaja tempat video yang education tidak apa, ini yang segala video cermin gelap jangan beri. Begitu juga Hard Rock Cafe semuanya jangan beri masuk, tulis di situ, sebab itu apabila dia keluar dia jadi perangai hard rock - batu. Sebab itu kadang-kadang apabila dia naik motor pun kadang-kadang dia 'belah batu' Tuan Yang di-Pertua, dia tidak hairan, bila masuk ke dalam situ dia sudah berubah. Jadi, kita cadangkan supaya kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mereka ini tidak belajar, mereka tidak berapa tahu lagi. Kita pun tidak menyalahkan mereka, kita hadkan jangan beri mereka masuk ke tempat-tempat ini....

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Bagan Datok.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, sila Ketua Pemuda.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin penjelasan. Tadi, Yang Berhormat belum menjawab soalan sahabat saya dari Kota Melaka mengenai senarai nama itu, kalau ada kemukakan kepada saya supaya dapat diambil tindakan dengan cepat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Nanti dahulu belum lagi.

Yang keduanya, Yang Berhormat ada sebut tentang 'Hard Rock Cafe'. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang ini ada 'pil mengawan' (mating pill), dengan izin. 'Pil mengawan' ini dahulu digunakan untuk khinzir, khinzir jantan cari betina, betina cari jantan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa 'pil mengawan' ini ada dipasarkan, mungkin contoh ini pernah dirasa oleh sahabat saya dari Kota Melaka agaknya? *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebab itu kadang-kadang bila dia 'menyondol', mungkin dia kena pil itu jadi dia 'menyondollah', dia mencari tidak kira siapa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pemuda - tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka kata, memberi nama, kalau ada senarai Ketua Pemuda yang terlibat insya-Allah, Ketua Pemuda UMNO Malaysia akan mengambil tindakan *[Tepuk]* ha! Tengok kita ini gentleman - gentleman, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Guan Eng: Hendak beri jalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagilah, you bayar tol sudah!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tertarik dengan satu laporan di mana dinyatakan bahawa Ketua Pemuda UMNO tidak puas hati tentang campur tangan ahli-ahli politik terhadap tindakan oleh pihak kerajaan ke atas pusat hiburan dan Ketua Polis Negara juga menyatakan bahawa mereka akan mendapat maklumbalas ini daripada Ketua Pemuda UMNO. Sekarang nama ini dalam tangan Ketua Pemuda UMNO, tetapi beliau sendiri tidak mahu mengambil tindakan. Sepatutnya Yang Berhormat patut tanya mengapa beliau tidak mahu mengambil tindakan, kerana ini

sudah ada nama. Ketua Polis Negara pun minat, tahu siapa pemimpin-pemimpin politik yang datang daripada Pemuda UMNO ini yang campur tangan, tentang tindakan ke atas pusat hiburan ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat dari Kota Melaka tanya saya, macam saya ini Menteri. *[Ketawa]* Tetapi tidak apalah, saya memberi penjelasan, tidak ada masalah.

Tuan Lim Guan Eng: Jadi 'messenger'lah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini, insya-Allah. Saya kenal sangat Ketua Pemuda ini, orang yang berjuang amal ma'aruf, nahi mungkar. Jadi, macam saya katakan tadi kita tidak mahu mengheboh-hebohkan. Kalau ada yang membuat silap, insya-Allah dia akan diambil tindakan. Saya pasti dan percaya penuh kewibawaan beliau sebagai Ketua Pemuda dia akan mengambil tindakan, sebab itulah bila dia mesyuarat baru-baru ini dia mengatakan haramkan semua pemuda masuk ke tempat-tempat yang dilarang oleh agama. Ini adalah satu tindakan yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Yang lain tidak ada apakan? Okay. Orang politik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat masa tidak mengizinkan, sila gulung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Amboi! Tuan Yang di-Pertua, main bola pun ada masa kecederaan. Ini Kota Melaka kacau saya, saya tidak sempat habiskan, minta sedikitlah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak ada masa tambahan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak apa. Okay. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Dahulu saya bercakap tentang projek UIA. Projek UIA bila kerajaan bertindak

hari ini ambil daripada konsultan luar negeri, serah balik kepada JKR dan juga konsultan-konsultan tempatan ini ia berjalan dengan elok. Tetapi kerana saya membawa perkara ini dalam Dewan Rakyat maka pengusaha-pengusaha bumiputera yang terlibat dalam projek itu sudah kena 'gam' hari ini. Jadi, saya minta supaya kementerian membuat siasatan, jangan buat macam itu, kerana apa? Kerana mereka ingat, mereka memberi information kepada saya, jadi mereka 'naya'. Saya mendapat informasi kerana saya membuat kerja, saya berjalan rata, tetapi tidak masuklah ke tempat-tempat yang pelik-pelik. Saya pergi melawat ke tapak itu dan ini dan saya dengar kompelin. Bila saya bersuara dalam Dewan Rakyat, jangan orang itu menjadi mangsa, kalau macam itu Tuan Yang di-Pertua, bila kita boleh dedahkan benda yang tidak elok.

Saya minta kalau boleh ketua Bahagian Kontrak di Kementerian Kewangan - Datuk Aziz ini supaya dia rasional sedikit dalam perkara-perkara macam ini. Dia pun sudah lama duduk di situ, 8 tahun atau hampir 10 tahun. Jadi, saya mintalah pegawai kerajaan jangan duduk lama-lama sangat dan dia 'mengeram' macam-macam jadi. Itu yang dia keluar 'telur busuk', 'teluk elok' semua.

Saya minta Kementerian Kewangan tengok kes-kes ini. Saya tidak mahu orang yang tidak terlibat, orang yang tidak buat kerja dengan elok, kerana kita pergi mendedahkan benda yang tidak elok, mereka ini yang menjadi mangsa. Jadi kita tidak boleh membuat aniaya pada orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat kompelin juga dia boleh beri kontrak, dia hendak beri pada siapa kontrak - dia berilah. Tambahan pula ketika ini kerana dasar kerajaan berwibawa itu dan ini, siapa yang dok urut lutut boleh, siapa tepuk belakang boleh, siapa yang tidak rapat tidak ada. Ini sistem apa Tuan Yang di-Pertua?

Jadi, saya mintalah Kementerian Kewangan agak serius sedikit, kaji balik, kalau sudah sampai lapan tahun, Tuan Yang di-Pertua, hai! Kalau menikah pun boleh anak umur tujuh tahun dah! Jadi, berilah orang lain peluang hendak belajar sama, duduk tang kontrak itu, kan? Dok tang kontrak ini sedap, Tuan Yang di-Pertua hoi! Bukankah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya baru hendak gulung. *[Ketawa]* Baru lipat, tak gulung, nanti terlepas kain, malu nanti, Tuan Yang di-Pertua. Beri sedikit sahaja lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Minta gulunglah, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dah hendak habis dah. Habis dah! Yang last, sedikit sahaja ini. Kalau saya tak sampaikan, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung marah kepada saya ini. *[Ketawa]* Sungguh! Saya balik minggu ini teruk saya, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja hendak minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa hubung kaitnya dengan orang kampung?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang kampung pesan, suruh mai bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yakah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Depa pilih saya untuk bercakap. Sebab itu, kalau saya tak bercakap, depa marah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya balik, Tuan Yang di-Pertua, tak apalah, saya khabaq kata Tuan Yang di-Pertua tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya ini hormat kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya izinkan dua orang Ahli lagi mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Kota Melaka.

5.48 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, semasa kita mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memastikan satu alam yang lebih terbuka dan menggalakkan penyertaan orang ramai ke atas electronic government, dengan izin. Saya kesal bahawa ia agak lambat dalam menggunakan IT seperti, dengan izin, mengiringkan Cyber Bills ke atas Internet.

Pada dua minggu yang lepas Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa parti DAP telah mengirinkan, dengan izin, computer crime bill dan the digital signature bill ke atas Internet melalui homepage DAP.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa rang undang-undang yang ketiga Malaysia mengenai IT iaitu tele-perubatan, sekarang adalah on-line dalam homepage DAP dalam alamat yang berikut, iaitu, <http://www.malaysia.nett/dap>.

Sungguhpun DAP bersedia untuk memberikan perkhidmatan kebangsaan ini dengan mengirinkan Rang Undang-undang Siber ke atas Internet, masa sudah tiba untuk kerajaan mengambil alih tugas ini dan fungsi ini daripada DAP kerana DAP bukanlah kerajaan dan kerajaan dengan sumber yang begitu penuh dan berkemampuan adalah harus mereka on-line dan bukan terserah kepada DAP untuk menjalankan fungsi ini.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hai, jangan masuk bakul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.
Tidak ada dialog dibenarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tak apalah! Dia hendak kacau-kacau.

Tuan Yang di-Pertua, semasa merujuk kepada masalah

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, Parit Sulong bangun ini.

Tuan Lim Guan Eng: Beri satulah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita ucap tahniahlah kepada DAP kerana hendak menunjukkan dia lebih advanced dalam bidang penggunaan Internet dan masuk ke cyber space tetapi janganlah 'masuk bakul pikul sendiri'. Kalau you hendak buat, buatlah, you know, we don't bother. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana mengakui sumbangan oleh parti kita, tetapi kita bukan

hendak monopolise, kita rasa IT tidak harus dimonopoli oleh mana-mana pihak, termasuk kita, kami sendiri.

Oleh sebab itu, kami rasa bahawa kerajaan sepatutnya lebih cepat, lebih efisien daripada kita dan saya tidak faham mengapa kalau kami boleh buat, parti Pembangkang yang serba kekurangan boleh buat, kerajaan tak boleh buat. Itu yang saya tidak faham dan harus saya rasa dikaji oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada BPR, saya ingin bertanya tentang aduan yang dibuat oleh saya pada 31hb. Januari, 1997 mengenai penyelewengan dalam bayaran RM6 juta oleh Petronas kepada sebuah syarikat yang bernama Wajar Mutiara Sendirian Berhad untuk kerja selama lapan hari yang didakwa hanya bernilai RM1 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima maklumat oleh pihak tertentu yang mendakwa bahawa penyelewengan yang berlaku di Petronas ini melanggar semua peraturan atau aturcara kewangan yang ditetapkan. Saya telah meminta pihak BPR menjalankan siasatan ke atas Petronas dan pegawai kanannya untuk menentukan sama ada benar atau tidak wujudnya penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dan pembayaran kontrak sebanyak RM6 juta kepada sebuah syarikat bernama Wajar Mutiara Sendirian Berhad.

Saya telah menerima maklumat bahawa syarikat tersebut diberikan kontrak, dengan izin, 'dredging' sebanyak RM1 juta di Loji Penapis Minyak Petronas, Melaka di Pantai Kundor. Akan tetapi, penilaian awal telah dimanipulasikan ke tahap kritikal supaya satu variation order diperolehi dengan cepat di mana nilai kontrak telah naik daripada RM1 juta kepada RM6 juta. Bayaran penuh RM6 juta diminta daripada Petronas, selepas sebuah dredger besar Wajar Mutiara Sendirian Berhad menjalankan kerja selama lapan hari sahaja. Lapan hari sudah dapat RM6 juta. Ini lebih hebat

daripada Mike Tyson semasa bertinju, sekejap tumbang dapat bayaran yang cepat. Ini saya rasa lagi hebat.

Apabila jurutera Petronas yang jujur mengetahui perkara ini, mereka cuba menghalang pembayaran penuh dijalankan, akan tetapi Wajar Mutiara mengikut maklumat ini dikatakan kononnya telah mendapat bantuan daripada Presiden Petronas, Dato' Hassan Merican yang bukan sahaja meluluskan pembayaran penuh dibuat tetapi memindah keluar jurutera jujur yang cuba menghalang pembayaran penuh ini dan cuba menghalang penyelewengan ini.

Selain daripada Dato' Hassan Merican, pegawai lain yang dikatakan terlibat dalam kes ini adalah seperti berikut:-

- (i) Encik Jasni bin Baharuddin daripada Petronas, Melaka;
- (ii) Encik Azlan bin Hamzah daripada Petronas, Melaka juga;
- (iii) Encik Ibrahim bin Ismail daripada Petronas, Kuala Lumpur; dan
- (iv) Encik Zainuddin bin Abdul Aziz, Pengarah Urusan Wajar Mutiara Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Petronas adalah sebuah badan pemegang amanah khazanah petroleum kita, saya rasa adalah sangat penting bahawa mereka menjalankan amanahnya dengan baik, dengan cepat, dengan bersih dan dengan amanah.

Dan saya tidak tahu sama ada BPR telah menjalankan untuk menentukan sama ada dakwaan yang dibuat ini adalah benar atau tidak dan adalah nyata sumber-sumber ini adalah datang dari dalam Petronas sendiri di mana jurutera yang cuba menegakkan peraturan dan undang-undang telah dianiayakan dan juga tidak puas hati bahawa wang rakyat telah diselewengkan.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa satu siasatan penuh yang bebas boleh dijalankan untuk menentukan sama ada apa yang didakwa ini benar atau tidak supaya kita boleh menggalakkan orang yang jujur bukan memberikan gambaran bahawa orang yang corrupt, yang rasuah seperti Menteri Besar Selangor ditonjolkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya juga ingin meminta pihak kerajaan menyatakan mengapa mereka tidak mahu menjadi pengumpulan harta benda yang luar biasa melebihi gaji rasminya sebagai satu kesalahan jenayah rasuah. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pakar dalam jenayah rasuah ini, seseorang ahli pentadbir kerajaan hanya boleh didakwa atas amalan rasuah kalau dia melakukan sesuatu yang memberikan manfaat kepadanya, tetapi kalau dia mengumpulkan harta benda yang jauh lebih besar daripada hartanah, daripada gaji rasminya, ia bukanlah satu amalan rasuah.

Oleh sebab itu, apabila pemimpin-pemimpin politik menjadi jutawan sepuluh kali ganda ataupun seratus kali ganda, mereka tidak boleh didakwa atas jenayah rasuah di bawah undang-undang yang sedia ada. Di sini saya ingin menyeru sekali lagi, bahawa masa sudah sampai bahawa kita meminda undang-undang supaya mana-mana menteri, ahli pentadbiran, Ahli Exco, Menteri Besar yang mempunyai harta benda atau wang tunai yang melebihi gaji rasminya, memberikan jawapan macam mana sumber harta atau kekayaannya. Kalau tidak dapat memberikan jawapan yang munasabah, beliau harus didakwa di mahkamah kerana melakukan rasuah. Kerana undang-undang yang sedia ada sekarang menggalakkan ahli-ahli pentadbir mengumpulkan hartanah dan kekayaan secara haram. Kerana mereka tahu seluk beluk undang-undang.

Dan contoh yang paling baik, selain daripada bekas Ketua Menteri Melaka dan juga kawan baik kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Datoh, sekarang kita ada

lagi satu contoh yang paling jelas iaitu Menteri Besar Selangor di mana kes kekayaan luar biasanya sudah menjadi satu tajuk antarabangsa yang mengharumkan nama Malaysia di dunia. Kalau inilah cara kita hendak mengharumkan nama Malaysia, saya pun hanya boleh menggelengkan kepala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak Kementerian Kewangan untuk menyatakan sama ada semua projek kurang RM50,000 perlu mengadakan tender terbuka, kerana apa yang berlaku di Melaka iaitu Kerajaan Tempatan Negeri Melaka dimana keputusan telah dibuat oleh Ahli Exco Negeri Melaka, Datuk Mohd. Yassin bin Mohd. Shariff bahawa semua projek yang kurang daripada RM50,000 tidak payah melalui tender terbuka, tetapi melalui sistem cabut undi iaitu tengok nasiblah, kalau nasib baik kena cabut, macam loteri.

Kalau inilah sistem yang dipakai, semua penender akan membuat tawaran sampai RM50,000 kerana mereka hanya bergantung kepada nasib, kalau kena cabut undi dapat kontrak bukan dilihat kepada pengalaman, kelayakan dan kemampuan mereka sebagai kontraktor.

Oleh sebab itu, saya harap pihak kementerian boleh mengkaji perkara ini supaya tidak ada penyelewengan dan semangat dasar penswastaan dapatlah tercapai. Kalau kita hendak menswastakan projek, kita mahu tawaran tender yang paling bersaing, yang paling baik dan yang paling murah. Tetapi kalau menerusi sistem cabut undi, ini bukanlah penswastaan, ini macam perjudian. Dan saya harap pihak kerajaan boleh mengambil notis tentang perkara ini.

Satu perkara lain yang harus diambil perhatian oleh pihak, saya rasa pihak kementerian dan juga pihak BPR ialah amalan mengeluarkan CF sementara. Saya hendak bertanya, bolehkah CF sementara dikeluarkan oleh pihak kerajaan kalau mereka

tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Seperti di Melaka, ada satu Plaza Hang Tuah di Melaka yang melebihi lapan tingkat diberikan temporary CF, sungguhpun lift belum disediakan. Mengikut undang-undang di seluruh negara Malaysia, kalau bangunan tinggi melebihi 40 kaki atau melebihi empat tingkat, lift mesti disediakan, tetapi lift tidak disediakan boleh dapat CF.

Dan satu lagi kes projek Kota Mas di Air Keroh berdepan dengan projek kesayangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan pun mendapat temporary CF. Sungguhpun peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan supaya membina jejambat tidak ditunaikan.

Saya difahamkan Selangor masyhur mengeluarkan temporary CF. Bukankah ini melanggar semangat dan dasar undang-undang supaya peraturan bangunan, keselamatan undang-undang, ciri-ciri yang dikehendaki dipatuhi. Kalau begitu, saya rasa tidak ada bermakna langsung bahawa kontraktor atau pihak pemaju akan mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa kelonggaran, temporary CF ini bolehlah dibatalkan, kerana kalau tidak ini bermakna bangunan ini terbuka untuk orang ramai sungguhpun peraturan asas tidak diikuti. Sekarang kita tidak tahu begitu...

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Dato' Azmi bin Khalid: Sama ada Yang Berhormat sedar bahawa dalam projek besar-besaran ada tower bloknya, ada podium bloknya. Podium bloknya mungkin siap awal yang boleh digunakan untuk macam-macam. Jadi, yang tower bloknya mungkin siap lewat. Jadi, untuk kegunaan peniaga di podium blok yang di bawah yang boleh digunakan selalunya dibenarkan, diizinkan CF sementara. Ini untuk membolehkan peniaga menjalankan perniagaan dengan cepat dan boleh membawa pulangan modal dengan lebih cepat. Dia tidak merbahaya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Yang Berhormat keliru. Apa Yang Berhormat menyatakan ialah partial CF, bukan temporary CF. Jadi, Yang Berhormat keliru sedikit. Kalau bahagian bangunan, semua mengikut peraturan berikan partial CF tidak ada masalah, kerana tower blok ini mesti ada lif, okay tidak ada masalah. Lain-

lain bahagian bangunan belum siap, tidak mengapa. Ini tidak jadi masalah. Tetapi yang jadi masalah kalau keseluruhan bangunan tidak ada lif langsung, macam mana boleh berikan CF. Tetapi dia tetap berikan CF.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,...

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang menjadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:.... Tanjung Karang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf. Masa saya suntuk. Saya sudah beri...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kota Melaka diminta gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas ingatan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya ingin sekali lagi meminta pihak kementerian khususnya semasa KLSE menjunam pada 8 hari kebelakangan ini, iaitu minggu lepas, saya harap semasa Bank Negara mengumumkan sebarang dasar baru, dia harus dilakukan dengan dengan cara yang berhemat. Bukan dengan cara yang mendadak seperti yang dilakukan ini sehingga KLCI menjunam dengan begitu teruk sekali dan sebanyak 7% dan mengalami kerugian lebih RM70 bilion. Pada masa yang sama saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehlah memberikan kursus kepada pemimpin-pemimpin, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan daripada Rasah, apabila membuat kenyataan tentang BSKL. Jangan buat kenyataan bahawa kalau BSKL turun 7%, itu bukanlah satu perkara yang membimbangkan.

Oleh kerana kalau cakap macam ini, ini memberikan gambaran bahawa kalau turun lagi tidak jadi masalah, dan ini tidak akan meyakinkan pelabur. Oleh kerana itu, saya harap kita jangan membuat kesilapan seperti ini yang boleh menjejaskan KLCI, dan saya bercakap ini untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang terbakar tetapi tak berani menyuarakan kerugian teruk mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bintulu. *[Ketawa]* Selepas Yang Berhormat berucap, kementerian diminta jawab.

6.04 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, sejak enam bulan kebelakangan ini banyak kejadian kebakaran berlaku di Sarawak, walaupun kebakaran ini menyebabkan kemusnahan harta benda yang bernilai jutaan ringgit seperti kebakaran gudang di Miri pada 26hb. Mac, 1997 selama 24 jam, 40 unit kedai yang rentung menjadi abu di Bintulu pada November tahun lalu, sebuah rumah panjang kaum Iban yang dihuni oleh 20 sampai ke 40 unit keluarga yang terbakar silih berganti di Sarawak terutama di Bahagian Bintulu juga kehilangan nyawa seperti jiwa 13 pelajar SRK Abang Moh Sesang, Saratok, Sarawak. Atau yang lebih dahsyat lagi satu keluarga 4 orang mati yang tinggal di sebuah rumah berpunca dari asap yang datang dari bawah pada beberapa

minggu lalu di Miri. Semua ini begitu mudah dilupakan orang ramai, kerana ini urusan orang lain dan bukan berlaku kepada kita.

Sebenarnya kebakaran boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa dan kepada sesiapa pun. Dari banyak kejadian kebakaran yang berlaku di Sarawak sepanjang enam bulan lalu dilaporkan dalam Mac di Miri sahaja, dalam tempoh dua hari terdapat 13 kes kebakaran semak dan 3 kes kebakaran bangunan. Oleh kerana kebakaran semak-samun membahayakan bangunan berdekatan, maka setiap kebakaran terpaksa ditangani. Di Bintulu terdapat tidak kurang 15 kes kebakaran teruk yang mana 40 unit kedai kayu dalam kawasan utama Bintulu dan sebilangan rumah panjang termasuk sebuah asrama sekolah musnah di Sepau.

Di Bahagian Sibu pula, bagi tempoh tiga bulan pertama sahaja terdapat 23 kes laporan kebakaran, juga sebilangan kes kebakaran di Kuching dan di bahagian-bahagian lain di Sarawak. Selepas kebakaran yang meranapkan tiga deretan mengandungi 40 unit kedai, kedai kayu di kawasan utama Bintulu, orang ramai menghulurkan derma wang tunai bagi membantu mangsa-mangsa yang mengalami kerugian teruk. Malangnya, wang kutipan derma itu lama masih belum diserahkan kepada mangsa. Sebaliknya masih berada dalam tangan Jawatankuasa Bantuan Kerajaan. Mereka yang menderma berharap bahawa sumbangan mereka akan digunakan untuk bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa yang telah tinggal sehelai sepinggang. Derma tersebut sepatutnya diagih-agihkan kepada mangsa secepat mungkin bagi membantu meringankan bebanan dan kedukaan mereka dan bukannya disimpan begitu sahaja.

Adalah juga mendukacitakan bahawa 40 unit kedai yang mana kedai mereka telah musnah tidak pun diberikan tempat berniaga sementara dalam kawasan bandar bagi membolehkan mereka berniaga semula dengan segera walaupun mereka membuat cadangan dan permohonan, ia terbengkalai begitu sahaja selama beberapa bulan dan pada akhirnya mereka terpaksa bertindak bersendirian. Pihak berkuasa berkenaan hendaklah membuat usaha untuk membantu mereka yang malang ini dengan pertimbangan khas yang boleh memulih dan memulakan semula kehidupan mereka dan bukannya melayani atau menyifatkan mereka sebagai satu gangguan. Jika diberi peluang, mereka tidak mahu menjadi mangsa kebakaran seperti sekarang. Tetapi apakah yang boleh berbuat sebagai mangsa bencana satu kebakaran besar di Bintulu.

Pada anggapan kebanyakan orang Jabatan Perkhidmatan Bomba ialah orang yang duduk sepanjang hari membunyikan siren amaran bomba pada masa tertentu dalam sehari bekerja dengan hose bomba atau berdepan dengan tekanan air rendah semasa memadamkan api, termasuk satu lagi barangkali menerima panggilan palsu, seperti 26,000 panggilan palsu dalam tempoh tiga bulan di Balai Bomba Sibu yang dilaporkan dalam surat khabar. Akan tetapi tugas pasukan Bomba lebih dari itu. Saya kira tidak seseorang pun daripada kita akan menafikan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba bertugas untuk menyelamatkan nyawa manusia dan harta benda. Anggota mereka akan menggunakan kemahiran dan kebolehan mereka untuk menyelamatkan, untuk menyasat kawasan kerja dan

rumah-rumah, mendidik orang ramai mengawal bahan-bahan merbahaya dan membantu agensi kecemasan yang lain. Tidak timbul persoalan bagaimana dedikasi, bijak dan tingginya semangat anggota bomba yang bertindak memadam kebakaran. Mereka berada di tapak kebakaran dengan keazaman untuk memastikan kebakaran dipadam, nyawa diselamatkan dan harta benda yang musnah dikurangkan. Mereka tidak bertugas atau berkerja untuk menyelamatkan nyawa mereka sendiri atau harta sendiri, tetapi membantu orang lain menyelamatkan nyawa dan harta benda mereka.

Sekarang perlu pendekatan berbeza dalam pencegahan kebakaran di negara kita, terutamanya di Sarawak. Negara Sarawak meliputi kawasan yang luar. Jarak bandar sangat jauh dan sistem pengangkutan amat sulit. Banyak tempat tidak boleh sampai dengan jalan darat seperti ribuan rumah panjang, banyak sekolah rendah dan menengah serta ratusan bilangan kampung Melayu yang hanya boleh dijejaki menerusi jalan sungai. Banyak kampung kecil, pekan tidak mempunyai balai bomba sendiri atau unit bomba sukarela dengan dibekalkan peralatan yang cukup ataupun alat pencegah kebakaran. Dan juga banyak kebakaran semak-samun atau belukar yang muncul di mana-mana sahaja.

Sejak dua tahun lalu saya kerap membuat pertanyaan di Dewan ini kepada kementerian mengenai kebakaran di Sarawak sama ada di kampung rumah panjang atau kawasan bandar. Kementerian boleh menjawab semua apa yang dikehendaki seperti rancangan dan kajian yang dijalankan atau kemudahan tambahan yang perlu disediakan, tetapi kejadian kebakaran juga semakin bertambah bilangan dan serius. Kita perlu menangani isu kejadian kebakaran di Sarawak. Kita perlu melibatkan penyertaan rakyat dalam keseluruhan kerja-kerja pencegahan kebakaran dan bukanlah tugas pasukan Bomba sahaja, tetapi merupakan tanggungjawab setiap rakyat. Keutamaan penekanan hendaklah diletakkan kepada 'PENCEGAHAN ADALAH LEBIH BAIK DARI PENGUBATAN' - dalam huruf besar.

Ini bermakna di samping mencegah kebakaran, pendidikan kepada orang ramai hendaklah juga diberikan keutamaan yang tinggi. Amaran awal dan tahu apa yang patut dilakukan semasa kebakaran berlaku boleh mencegah kejadian buruk dari terjadi. Untuk ini, saya fikir masih banyak yang perlu dilakukan. Pada 8hb. lalu dalam jawapan kepada soalan saya mengenai apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kempen pencegahan kebakaran di Sarawak berikutan kerapnya berlaku kebakaran di rumah kediaman dan rumah kedai, dan adakah kempen ini meliputi penyiaran iklan di peti TV. Kementerian berkata bahawa di antara langkah-langkah yang telah diambil di dalam meningkatkan kempen pencegahan kebakaran adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen kebakaran sifar;
- (ii) menubuhkan kedet-kedet bomba di sekolah-sekolah;
- (iii) menubuhkan Kelab 3K di peringkat kanak-kanak;
- (iv) menggalakkan penubuhan pasukan bomba sukarela; dan
- (v) mengadakan ceramah berhubung dengan keselamatan kepada orang ramai.”

Melalui media massa elektronik, TV, Jabatan Bomba ada memberi nasihat dan panduan berhubung keselamatan kebakaran di rumah, terutama menjelang perayaan besar seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini nampaknya tidak sesuai dengan situasi di Sarawak. Jika mereka 'berbuat', mereka tidak hanya berkata telah dibuat, tetapi dilihat telah dibuat. Beberapa banyak yang dibuat. Saya hanya menyaksikan semakin banyak kejadian kebakaran dan tentulah semakin banyak yang boleh dilakukan menerusi media massa seperti lebih banyak siaran iklan dalam TV selain hanya pada hari perayaan besar sahaja. Kebakaran berlaku tanpa mengira hari.

Sekali lagi langkah-langkah yang diambil tersebut tadi patutlah disesuaikan dengan keadaan di Sarawak seperti kebakaran di rumah panjang, semak dan belukar di bandar kecil dan mengambil kira sekali masalah pengangkutan di sana. Fakta bahawa di bahagian Sibu menerima 26,000 panggilan palsu untuk kebakaran dalam tempoh tiga bulan membuktikan sesuatu yang tidak betul. Ia menunjukkan bahawa orang ramai masih kurang memahami perkhidmatan pencegahan kebakaran dan peranan mereka sebagai rakyat dalam pencegahan kebakaran. Kementerian mesti melakukan usaha yang besar menerusi saluran pengiklanan yang berbeza terutama seperti papan tanda besar, iklan, radio dan TV. Malah menerusi Internet bagi menjadikan rakyat lebih menyedari pendidikan pencegahan kebakaran. Latihan memadam api, penggunaan dan pemasangan alat pengesan asap, menyediakan senarai keselamatan kepada setiap tempat kediaman seperti menanyakan soalan, adakah anda mempunyai plan melepaskan diri di rumah? Adakah anda berlatih dengan keluarga anda mengenai cara-cara menyelamatkan diri sebanyak empat kali dalam satu tahun?

Adakah anda mempunyai tangga kecemasan bagi melepaskan diri dari tingkat dua? Adakah terdapat sekurang-kurangnya satu alat pengesan asap di setiap tingkat? Adakah anda menguji alat pengesan asap sekurang-kurangnya sekali dalam satu bulan? Bolehkah pintu keluar dibuka dengan mudah tanpa perlu kunci pembuka? Adakah semua alat pemetik api (matches) disimpan baik-baik jauh dari kanak-kanak? Apabila alat penyambung (extension cord) digunakan, adakah kapasiti maksimum elektrik tidak berlebihan? Adakah cecair mudah terbuka disimpan jauh dari punca pembakaran dan lain-lain.

Kementerian hendaklah juga menjalankan Kempen Minggu Pencegahan Kebakaran Kebangsaan dan lain-lain kempen supaya rakyat kita benar-benar lebih berhati-hati dengan pencegahan kebakaran dan menanamkan dalam fikiran mereka bahawa pencegahan kebakaran sebenarnya adalah tanggungjawab setiap orang. Apabila mereka mulai menghargai peranan dan tanggungjawab mereka, barangkali bilangan panggilan kebakaran palsu di Sibu mungkin akan turun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian diminta jawab.

6.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 9 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini dan saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan.

Yang Berhormat dari Tanjong telah memusatkan perkara-perkara rasuah, Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam penggulungan perbahasan Titah Ucapan DiRaja bahawa satu akta baru mengenai rasuah akan dicernakan dan yang keduanya, oleh kerana Menteri Besar Selangor sedang di dalam penyelidikan dan penyiasatan, adalah dirasakan supaya dapat penyiasatan dan penyelidikan oleh ACA ini dikemukakan dahulu sebelum dapat kita memberikan penjelasan yang lebih lanjut.

Dan juga Yang Berhormat dari Tanjong telah pun menyentuh supaya provisi-provisi dalam Akta Anti Rasuah itu dilihat kembali dan supaya dapat dibuat cara dahulu yang mana pegawai-pegawai daripada Badan Pencegah Rasuah ini datang daripada pelbagai jabatan ataupun kementerian seperti AG Office dan juga polis. Dalam perkara ini, saya rasakan kerajaan akan melihat kembali tatacara pengambilan dan penukaran pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah di negara kita.

Mengenai 'psychological testing' dan 'personality test' yang telah diperkatakan, ini adalah merupakan satu subjek instrument daripada beberapa yang lain. Kalau tengok akta yang tertentu ia mengatakan pegawai itu 'fit', jadi fit ini kalau kita optionalise, dengan izin, boleh kita bayangkan apakah yang dapat kita lakukan untuk meminimumkan risiko yang berkenaan. Seperti juga dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, misalnya, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengadakan satu unit yang dinamakan Unit Psikologi yang diketuai oleh Profesor Dr. Saat Baki. Di sini, apa yang dilakukan dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, misalnya, 'psychological test' dibuat sebelum mereka masuk dan apabila mereka datang ke INTAN selama setahun untuk menjalani pengurusan dan mendapatkan Diploma, quarterly, tiap-tiap tiga bulan diadakan 'personality test' untuk melihat di mana mereka berada.

'Personality test' ini bukan merupakan satu perkara yang salah atau satu perkara yang betul tetapi melihat dari segi personality seseorang pegawai itu dalam 'continuo'. Maknanya kalau seorang itu senyap, pendiam dan dibandingkan dengan seorang yang sosial, seorang yang peramah, seorang yang suka bercakap, di mana pegawai itu diletakkan? Jadi....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Can I finish it first. Jadi, di sini apa yang diharapkan, jika seseorang itu pendiam, misalnya, dia sebagai pegawai PTD boleh ditempatkan di satu jabatan yang memerlukan banyak 'confidentiality', atau banyak perkara-perkara sulit dan rahsia yang dijalankan. Kalau diletakkan pegawai

yang bisung, yang suka menunjuk-nunjuk di tempat yang berkenaan, banyak rahsia kerajaan akan dibocorkan. Begitu juga kalau misalnya seseorang itu pendiam, dia tidak boleh ditempatkan di pejabat-pejabat daerah atau di jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang banyak memerlukan penemuan, interface dengan public. Oleh kerana dia pendiam, diletakkan di tempat lain, di letakkan di tempat ITkah, dia boleh bercakap dengan komputer sahaja [Ketawa] tetapi orang yang rajin bercakap, rajin socialise, kita tempatkan di jabatan-jabatan yang banyak interface dengan public.

Jadi, apa yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam pengurusan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik nampaknya setakat ini berjaya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Memang tidak ada siapa yang menentang ujian-ujian psikologikal atau 'personality test' tetapi oleh kerana perkara ini ada kaitan, dihubungkan dengan pencegahan white collar crime, jenayah fraud dan sama ada ia akan berkesan untuk mencegah fraud di masa depan, ini pun satu soalan. Tetapi, kalau 'psychological test' atau 'personality test' boleh membantu ke arah itu supaya boleh mencegah white collar crime, bukankah kita ada calon-calon yang 'fit' untuk memegang jawatan yang penting semacam menteri-menteri, menteri-menteri besar, exco-exco bahawa mereka pun patutlah diwajibkan untuk mengadakan 'psychological test' dan 'personality test' supaya bukan sahaja tidak berlaku white collar crime, lebih pentingnya tidak berlaku rasuah yang bermaharajalela.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat dari Tanjong. Kalau kita melihat dari segi Holland theory yang mengatakan dalam memilih pegawai-pegawai di bank, ia mempunyai satu personality treats. Dari segi Holland theory ia mengatakan seseorang itu konvensional, seseorang itu dia lebih suka tekun bekerja dan melihat cara bekerja itu sebagai satu tradisi. Jadi, kalau kita lihatkan 'personality treats' dalam bank, orang yang mempunyai personality itu lebih secocok jiwanya dengan bank.

Kalau dikatakan mengenai ahli-ahli politik tadi, Yang Berhormat, sepertimana yang dikatakan tempoh hari juga, bahawa ahli-ahli politik ini dipilih oleh orang ramai, bukan dipilih oleh seorang. Jadi, ini berbeza daripada orang yang pergi menemuduga - ditemuduga oleh satu board - dengan ahli politik yang ditemuduga tiap-tiap lima tahun oleh orang ramai, tetapi walau bagaimanapun, saya rasakan perkara ini boleh didebatkan dengan lebih luas lagi.

Mengenai EKTRAN yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai 10% dan IVO ini. Dakwaan daripada Yang Berhormat dari Tanjong adalah tidak benar kerana syarikat-syarikat asing telah ditawarkan, yang dikatakan tadi 10% saham Bakun daripada 25% saham terbitan awam yang diperuntukkan. Selebihnya sebanyak 15% lagi akan diagihkan kepada institusi-institusi awam tempatan. Bahawa difahamkan pada masa ini, permintaan oleh syarikat-syarikat asing untuk 10% saham itu sungguh menggalakkan walaupun ianya masih belum ditawarkan secara

rasmi. Jadi ini dapat kita lihat bahawa response daripada pelabur asing adalah menggalakkan walaupun ia bukan lagi merupakan tawaran secara rasmi buat ketika ini, Yang Berhormat, ya.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah pun membangkitkan mengenai perkara-perkara menentang Yahudi dan sebagainya dan tunjuk perasaan ini adalah lain daripada tunjuk perasaan masalah tanah dan sebagainya. Jadi, oleh kerana itu, kita melihat bahawa keamanan penting dan kita mengatakan bahawa orang-orang Islam patut menunjukkan cara tata susila yang lebih molek dan diperhatikan oleh orang lain. Orang lain akan mengata mengapa orang-orang sebegini lebih tertib dan sebagainya. Mereka akan mengatakan bahawa mereka adalah orang-orang Islam.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak yang mengajar kami semua berbuat begini adalah Timbalan Perdana Menteri. Semasa dia menjadi pemimpin ABIM, dialah yang berarak di Masjid Negara dan sebagainya, berkubu di masjid, diajar oleh Timbalan Perdana Menteri. Jadi, kami ikut dialah sekarang ini. *[Ketawa]* Timbalan Perdana Menteri juga.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Kalau ikut, masuk Barisan Nasionallah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:dituduh.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Masuk Barisan Nasionallah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedarkah, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Jangan ikut perangnya, masuk Barisan Nasional terus.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Apa ini ganggu, standardlah sedikit Jelebu. Perdana Menteri dalam buku sebelum dan selepas 13 Mei yang tuduh oleh Tunku Abdul Rahman sebagai orang yang menghasut pelajar-pelajar. Jadi, kami ikut Perdana Menteri dan Timbalan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kata orang Melayu, “sekali air bah, sekali pasir berubah” *[Tepuk]* dan kita tidak boleh mengkhususkan seseorang itu personalitinya, perubahannya, kelakuannya, pemikirannya - stagnant, statik. Dalam masa-masa yang tertentu, orang akan berubah mengikut perasaan dan pengalamannya. Jadi, itu pengalaman Ahli Yang Berhormat dulu tetapi sekarang sudah berbeza, kita mesti akui perkara ini. Kalau dahulu.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong dahulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa latar belakang dahulu dengan latar belakang hari ini berbeza. Saya juga pun dahulu demonstrasi - pada tahun 1969-1970 tetapi latar belakangnya lain, motifnya lain dan landasan perjuangannya lain dan hari ini apa yang dilakukan oleh PAS juga berlainan. Adakah Dato' Setiausaha Parlimen bersetuju?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya, saya sangat bersetuju dengan perkara ini. *[Ketawa]*. Kalau kita lihat daripada segi theory of change, teori perubahan, jadi perubahan itu merupakan satu takuk ke satu takuk yang lain *[Tepuk]*. Jadi, kalau misalnya teori perubahan itu tidak dilihat secara totality, saya rasakan PAS tidak akan berubah.*[Tepuk]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan bila Timbalan Perdana Menteri jadi pembangkang dia tidak menganjur balik tunjuk perasaan? Sebab kami sudah menjadi pengalaman pembangkang seperti Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh. Kemudian tunjuk perasaan ini adakah dianggap orang yang tidak ada adab? Bolehkah penunjuk-penunjuk perasaan di Palestin itu dianggap orang yang tidak ada adab sebab yang masalahnya sekarang, kenapa bawa Yahudi, itu punca dia. Hendak cari masalah ini kena tunjuk perasaan, siapa mula dahulu tetapi membawa Yahudi itu tidak diperbincangkan, ini pokoknya yang menjadi persoalan kita. Ini yang ditentang oleh para ulama' termasuk Mufti Al-Azhar. Jadi, saya minta pihak kementerian untuk memberi jaminan supaya masalah Yahudi ini jangan dimainkan lagi. Kalau tidak, kami akan anjur tunjuk perasaan yang lebih banyak, katalah kami bodohkah, apakah, hal Yahudi tidak ada tolak ansur.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya rasa chronology itu berbeza, dari segi environment, alam keliling yang ada pada masa ini. Macam Palestin itu kita katakan *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud, "Kasihkan watan setengah daripada iman", kerana itu merupakan satu masalah yang paling kritikal. Jadi, di sini tidak merupakan satu masalah yang paling kritikal, bak kata Pemuda UMNO, 'kita boleh berbincang, kita boleh mencari jalan penyelesaian yang paling bagus dan paling beradab'.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cuba ringkaskan ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Apakah di Malaysia sekarang tidak kritikal? Kita menghadapi masalah murtad, kita hadapi masalah buang anak. Sekarang hendak bawa Yahudi pula lagi? Kita sudah banyak masalah hendak bawa lagi masalah dan Yahudi kita tahu menguasai Amerika sekarang - 7 penasihat Bill Clinton, 5 adalah Yahudi. Ini mereka datang bersukan, selepas ini mereka akan cuba menguasai bidang-bidang lain dan kami nampak ini satu langkah yang merbahaya dan ini seluruh gerakan Islam nampak bahawa apa yang berlaku ini adalah bahaya sebab itu kita tentang daripada sebelum ianya berputik. Jadi, kita harap pihak kementerian dapat faham masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Hari sudah suntuk, diminta Yang Berhormat sambung besok.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.